



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS:600-6 Jld. 8 (8)

Tarikh : 22 Oktober 2024

SENARAI EDARAN

YS Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2024 - SISTEM TUGASAN BALAI (STB)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2024 - Sistem Tugas Balai** telah diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk pelaksanaan di setiap balai berkuatkuasa pada tarikh **15 Oktober 2024**.

3. Bersama-sama ini disertakan Perintah Tetap Ketua Pengarah dan Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai untuk rujukan dan panduan pelaksanaan. Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan, YS Pengarah Negeri diminta untuk menyelaraskan peranan setiap bahagian termasuk Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Latihan, Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Bahagian Kejuruteraan untuk membantu Ketua - Ketua Balai khususnya melibatkan bidang kerja yang memerlukan komitmen Ketua Balai.

4. Dengan berkuatkuasa pelaksanaan Sistem Tugas Balai ini, maka **tiada lagi keperluan setiap balai untuk melaksanakan Jadual Tugas Harian (JTH)**. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan pegawai

'CEPAT DAN MESRA'



SIRIM



ACB QMS 01



SIRIM



ACB ABMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO
ISO 37001:2016


Cawangan Pengurusan Balai, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YS Dato'/ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nordin Bin Pauzi', is written over a horizontal line that ends in an arrow pointing to the right.

(TPJB NORDIN BIN PAUZI)

Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

mnfm/STB/bokp

s.k.

i. YAS Ketua Pengarah

ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
2. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Kuala Lumpur
3. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
5. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
6. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
7. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
8. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
9. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
10. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Labuan
16. YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Putrajaya



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2024

SISTEM TUGASAN BALAI (STB)

1. TUJUAN

- 1.1 Mewujudkan satu sistem kerja yang lebih teratur dan sistematik bagi menyelaraskan tugas dan tanggungjawab pegawai di peringkat balai.
- 1.2 Meningkatkan efisiensi dan produktiviti dalam pengurusan pentadbiran dan operasi kebombaan demi mencapai hasrat *High Performance Organization* (HPO) serta meningkatkan penyampaian mutu penyampaian perkhidmatan kebombaan kepada masyarakat.
- 1.3 Mengelola dan mengembangkan sumber daya bagi mencapai keterampilan dan pengetahuan yang sesuai dengan tuntutan

tugas serta keperluan semasa yang lebih relevan dan praktikal pada masa kini.

- 1.4 Meningkatkan Pembangunan sumber manusia bagi mencapai hasrat *High Performance Fire Officer* (HPFO) yang seimbang dari aspek intelektual, kemahiran, kerohanian, fizikal, emosi dan sosial.
- 1.5 Menyediakan sistem yang seragam dan lengkap untuk memproses maklumat bagi mengkoordinasi setiap proses pelaksanaan pentadbiran pengoperasian tugas balai.
- 1.6 Mengadaptasi revolusi pendigitalan dan implementasi penggunaan aplikasi teknologi maklumat terkini dalam elemen sistem pengurusan di balai.
- 1.7 Platform mekanisme kesiapsiagaan yang menyeluruh dalam elemen pengurusan insiden iaitu merangkumi komponen sebelum, semasa dan selepas insiden / bencana.
- 1.8 Mengadaptasi perjawatan yang telah ditempatkan secara pentadbiran kepada butiran asal dan memastikan bahawa tiada lagi amalan penempatan secara pentadbiran (PSP).

2. LATAR BELAKANG

Sistem Tugas Balai (STB) ini melibatkan koordinasi, komunikasi dan pelaksanaan secara berstruktur. Ianya digunakan bagi setiap pegawai mentadbir urus di peringkat balai dalam kecekapan penggunaan sumber-sumber secara holistik dan komprehensif untuk meningkatkan keberkesanan tatakelola di peringkat balai. Sistem ini juga bertindak sebagai panduan dalam mengurus balai dengan baik seiring meningkatkan keupayaan pegawai melaksanakan tugas-tugas yang diberikan.

3. PUNCA KUASA

Punca kuasa mengimplementasikan Sistem Tugas Balai adalah selaras dengan kuasa perundangan yang diperuntukkan untuk melaksanakan tugas dan peranan di peringkat balai. Punca kuasa adalah seperti berikut:

3.1 Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9

3.1.1 Senarai I - Senarai Persekutuan, Perkara 26. "Tertakluk kepada butiran 9A Senarai Bersama, pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba".

3.1.2 Senarai III - Senarai Bersama, Perkara 9A. "Langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan".

3.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);

3.3 Arahan NADMA No. 1 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara)

3.4 Kod Etika Pegawai Bomba

3.5 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]

3.6 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003 [P.U.(A) 388/2003]

3.7 Arahan Tetap Ketua Pengarah Bil. 2 Tahun 2014 Tatasusila Pegawai Bomba Bantuan (PBB)

3.8 Prosedur Kualiti PK 01 - Operasi Kebombaan

3.9 Manual Pengurusan Balai

- 3.10 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2017 – Penetapan Tempoh Giliran Bertugas bagi Pegawai Bomba di Bilik Kawalan Balai
- 3.11 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 - Sistem Perintah dan Kawalan Insiden Sistem Perintah dan Kawalan Insiden (ICS)
- 3.12 Prosedur Pertukaran Syif
- 3.13 Surat Edaran Minit Mesyuarat Pelaksanaan Dasar Penempatan Secara Pentadbiran (PSP)

4. **TAFSIRAN**

Sila rujuk **Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai** yang terkini.

5. **PELAKSANAAN**

5.1 **Pertukaran Syif (Serah dan Terima Tugas)**

- 5.1.1 Pertukaran syif hendaklah dilaksanakan setiap peralihan syif pagi dan malam.
- 5.1.2 Ketua Balai hendaklah memastikan panggilan baris dilaksanakan bagi menentukan penyerahan dan penerimaan tugas seperti yang dicatatkan dalam Prosedur Pertukaran Syif.
- 5.1.3 Pematuhan dari pelaksanaan ini, pertukaran tugas hendaklah merujuk silang Prosedur Pertukaran Syif yang sedang berkuatkuasa.

5.2 Pewujudan Stesen Kerja

5.2.1 Setiap balai perlu menyediakan Stesen Kerja seperti berikut:

i	Stesen Kerja (A)	Pengurusan Bilik Kawalan
ii	Stesen Kerja (B)	Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Jentera dan Peralatan
iii	Stesen Kerja (C)	Pengurusan Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan Jabatan
iv	Stesen Kerja (D)	Pengurusan Perundangan, Penyiasatan Kebakaran dan Pengurusan Pili Bomba
v	Stesen Kerja (E)	Pengurusan Sumber Manusia, Aset, dan ICT.
vi	Stesen Kerja (F)	Pengurusan e-FEIS

* Penetapan bilangan stesen bergantung kepada bebanan kompleksiti tugas dan keperluan serta penetapan petugas

5.2.2 Ketua Balai hendaklah merancang penugasan mengikut stesen kerja kepada pegawai pasukan yang bertugas.

5.2.3 Kaedah penetapan dan penggiliran stesen kerja bagi setiap pegawai hendaklah berpandukan Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai.

5.2.4 Ketua Balai perlu bertanggungjawab dan memantau pelaksanaan penugasan pegawai di setiap stesen kerja.

5.3 Penyerahan dan Penerimaan Penugasan

5.3.1 Penyelia pasukan yang menerima tugas bagi setiap stesen kerja hendaklah menyemak setiap tugas yang diserahkan melalui **Borang Penyerahan Tugas Belum Selesai** (*Handover Book*).

5.3.2 Pegawai di stesen kerja perlu memastikan setiap tugas yang diterima mesti dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa.

5.4 Pelaksanaan Pengurusan Disiplin dan Logistik

5.4.1 Ketua Balai hendaklah memastikan pengurusan disiplin dan sumber logistik dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan dan kesiapsiagaan yang optimum.

5.5 Pelaksanaan Pembangunan Kemahiran dan Pengetahuan

5.5.1 Ketua Balai hendaklah memastikan Pembangunan Kemahiran dan Pengetahuan dilaksanakan bagi memastikan tahap kompetensi yang memenuhi tuntutan tugas.

5.6 Pelaksanaan Pembangunan Kerohanian dan Kestabilan Emosi

5.6.1 Ketua Balai hendaklah memastikan Pembangunan Kerohanian dilaksanakan bagi memastikan pembentukan sahsiah dan keterampilan diri yang baik.

5.7 Pelaksanaan Pembangunan Kecergasan

5.7.1 Ketua Balai hendaklah memastikan Pembangunan Kecergasan dilaksanakan bagi memastikan tahap kecergasan pegawai yang memenuhi tuntutan tugas.

5.8 Pelaksanaan Pembangunan Persekitaran

5.8.1 Ketua Balai hendaklah memastikan Pembangunan Persekitaran dilaksanakan bagi memastikan kebersihan dan keceriaan persekitaran balai yang kondusif.

5.9 Pelaksanaan Pembangunan Kemahiran Inovasi & Kreativiti

5.9.1 Pembangunan kemahiran inovasi dan kreativiti mempunyai elemen yang tersendiri dalam menggalakkan pegawai menggunakan kebolehan kreativiti dalam penciptaan sesuatu yang baru.

6. PELAKSANAAN PELAN PRA-INSIDEN (PIP)

6.1 Pelan Pra Insiden (PIP) dalam sistem tugas balai ini perlu dijalankan dan kewajipan setiap pegawai dalam penghayatannya bagi membuat persediaan dan pelan tindakan sesuatu insiden melalui *Incident Action Plan* (IAP) dengan cekap dan berkesan.

6.2 Keperluan dan penyediaan PIP perlu dirujuk melalui dokumen seperti di **Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai (STB)**.

7. KEANJALAN (FLEKSIBILITI) DALAM PELAKSANAAN SISTEM TUGASAN BALAI

- 7.1 Pelaksanaan STB tidak terikat kepada tugas yang telah dijadualkan, malah Ketua Balai berkemampuan untuk menambahbaik tugas tambahan yang diberikan kepada pegawai berdasarkan justifikasi kukuh dan mempunyai nilai tambah (*value added*) bagi mencapai hasrat *High Performance Organization* (HPO) dan *High Performance Fire Officer* (HPFO).
- 7.2 Penetapan bilangan stesen kerja dan petugas bergantung kepada bebanan dan keperluan kompleksiti penugasan.

8. PELAPORAN DAN DOKUMENTASI

- 8.1 Pegawai bertugas hendaklah memastikan semua data dan maklumat tugas didokumentasikan melalui sistem pelaporan yang telah ditetapkan.

9. PEMANTAUAN, NAZIRAN DAN PENAMBAHBAIKAN

- 9.1 Pelaksanaan perlu dipantau oleh ketua balai manakala naziran akan dibuat oleh bahagian operasi negeri bagi menentukan keberkesanan pelaksanaannya dan memantau hasil dan kesan.
- 9.2 Pelaksanaan STB adalah bersifat dinamik dan terdedah kepada perubahan untuk penambahbaikan dan penghasilan yang maksimum.

10. BUKU PANDUAN MANUAL SISTEM TUGASAN BALAI (STB)

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2024 Sistem Tugas Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini

hendaklah dibaca bersama **Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai (STB)** yang terkini.

11. PEMAKAIAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah digunapakai dan dipatuhi oleh semua pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ketika melaksanakan tugas di balai.

12. TARIKH BERKUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2024 Sistem Tugas Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"




(DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: **15/10/2024**

CARTA ALIR SISTEM TUGASAN BALAI





JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MANUAL PELAKSANAAN SISTEM TUGASAN BALAI (STB)

BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

1. TUJUAN

Manual Pelaksanaan Sistem Tugas Balai ini, bertujuan untuk menjadi panduan pelaksanaan gerak kerja dan tugas di balai-balai bomba dan penyelamat (BBP) seluruh negara yang seragam dan selaras.

2. PENGENALAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia komited mencapai misi dan visi jabatan iaitu menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi (*High Performance Organization*). Bagi merealisasikan hasrat ini, usaha yang inklusif perlu dilaksanakan melibatkan pelbagai lapisan pengurusan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) secara bersepadu. Perancangan dan strategi pelaksanaan perlu mengambil kira perkembangan semasa, cabaran, keperluan pemegang taruh, perubahan teknologi dan keperluan undang-undang supaya jabatan ini sentiasa relevan dan kekal menjadi agensi penyelamatan yang unggul dan disegani. Kajian berterusan, langkah penambahbaikan dan program transformasi antara elemen penting untuk *survival* sesebuah organisasi. Maka, terdapat keperluan untuk menyemak semula faktor manusia, faktor pengurusan dan sistem kerja, kelengkapan dan logistik, dan sebagainya. Namun, fokus dalam Manual ini adalah tertumpu kepada faktor pengurusan dan sistem kerja di peringkat balai bomba yang perlu ditransformasikan. Semakan sistem kerja sedia ada atau lebih dikenali dengan Jadual Tugas Harian telah dilakukan secara menyeluruh dan dibangunkan **Sistem Tugas Balai (STB)** yang baru yang lebih fleksibel dan produktif.

STB yang dibangunkan ini bukan sekadar perubahan penjadualan masa dan aktiviti, tetapi mempunyai falsafah yang tersirat untuk melahirkan anggota bomba sebagai seorang insan yang seimbang dari segi intelek, kemahiran, kerohanian, fizikal, emosi dan sosial. Pelaksanaan STB yang sistematik akan memberikan kesan positif yang besar kepada kecemerlangan Jabatan kerana STB akan melibatkan kesemua balai-balai bomba seluruh negara yang melibatkan kira-kira 16,000 keanggotaan. Sebarang perubahan kepada kumpulan terbesar dalam Jabatan yang menjadi '*delivery army*' dan 'barisan hadapan' yang secara langsung memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, sudah pastinya memberi gelombang transformasi yang menjanjikan nilai tambah yang hebat.

Menjayakan gelombang transformasi yang besar memerlukan komitmen pemimpin, keinginan untuk berjaya yang luar biasa, kerjasama dari semua pihak, pelaksanaan yang sistematik dan dinamik serta pelbagai faktor pendorong yang memainkan peranannya. Pelaksanaan STB memerlukan pendekatan yang bersesuaian, iaitu dengan mengambil kira kekangan dan limitasi yang sedia ada seperti faktor kewangan, kekurangan perjawatan, sumber-sumber yang terhad dan sebagainya yang menjadi cabaran untuk diuruskan.

3. LATAR BELAKANG

Secara umumnya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai dua (2) teras utama perkhidmatan (*Core Services*) iaitu **Pemadaman Kebakaran dan Penyelamatan** dan juga **Keselamatan Kebakaran**. Bagi menjayakan kedua-dua teras utama ini, BBP telah dibina di seluruh negara di lokasi yang strategik bagi menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat. Maka melebihi 85% perjawatan (rujuk Waran Perjawatan Bil. S13 Tahun 2024) Pegawai Sepenuh Masa (PSM) JBPM adalah anggota operasi yang di tempatkan di BBP sebagai barisan hadapan yang menghadapi kecemasan.

Bilangan kes kecemasan bagi sesuatu kawasan adalah berbeza, maka kekerapan anggota menghadapi kecemasan juga adalah berbeza mengikut balai dan kawasan. Boleh dikatakan hanya 30% sahaja masa bekerja di balai dalam tempoh 12 jam syif yang melibatkan anggota bomba keluar menghadapi kecemasan atau perkhidmatan kebombaian di luar balai, manakala 70% lagi masa bekerja adalah digunakan masa untuk '**bersiap sedia**' di balai-balai bomba.


Tempoh 70% masa "**bersiap sedia**" amat penting yang perlu dimanfaat sebaik mungkin agar keberkesanan ketika menghadapi kecemasan dapat dicapai. Justeru, **Sistem Tugasan Balai (STB)** telah diwujudkan sebagai panduan kepada BBP untuk pengisian aktiviti dalam tempoh bersiap sedia.

Selaras dengan hasrat JBPM untuk menjadi *High Performance Organization (HPO)*, maka kriteria yang paling penting dan mendahului senarai adalah pembentukan pegawai bomba berprestasi tinggi (*High Performance Fire Officer – HPFO*). Seterusnya didapati persekitaran kerja pegawai bomba adalah paling dominan dan berpengaruh untuk


pembentukan HPFO. Oleh yang demikian, STB telah dibangunkan yang mengambil kira keperluan persekitaran kerja yang bersesuaian bagi melahirkan HPFO.

Tempoh 12 jam bertugas perlu diolah dengan sebaik mungkin untuk menjadi acuan kepada pembentukan HPFO. Kira-kira 70% masa bersiap sedia di balai akan dimanfaatkan dengan pelaksanaan STB, manakala 30% yang digunakan untuk menghadiri kecemasan di luar balai akan dimanfaatkan dengan pelaksanaan *Incident Command System* (ICS) seperti di gambar rajah 1.

Aplikasi STB dan ICS bertepatan dengan konsep *Disaster/ Incident Management Cycle* (DMC), di mana STB berkaitan dengan fasa *Recovery & Relief*, Fasa *Prevention & Mitigation* dan fasa *Planning & Preparedness*) manakala aplikasi ICS berkaitan dengan fasa *response* seperti di gambar rajah 2.



Gambar Rajah 1: Pengaplikasian STB dalam pelaksanaan *Incident Command System* (ICS) bagi menghadiri kecemasan.



Gambar rajah 2: Pelaksanaan STB melalui konsep *Incident Management System* (IMS) sebagai persediaan menghadapi kes kecemasan di luar balai.

STB adalah satu formula untuk resolusi kepada bebanan tugas, kepelbagaian dan kerencaman tugas yang perlu dilaksanakan oleh Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) dengan memanfaatkan sumber-sumber yang sedia ada. Oleh itu, STB telah disusun dengan mengambil kira pelbagai tugas di balai merangkumi perkara berikut:

- i. Tugas Harian Utama seperti:
 - a) Pentadbiran dan Pengurusan Balai
 - b) Pengurusan Surat-Menyurat, Sistem Pemfailan & Dokumen surat masuk / keluar
 - c) Pengurusan Insiden Operasi di dalam dan luar balai
 - d) Pengurusan HRMIS
 - e) Pengurusan Cuti Pegawai
 - f) Pengurusan Rekod Kursus Pegawai
 - g) Pengurusan Elog Operasi
 - h) Laporan Penggunaan Kad Inden/ Master Card
 - i) Laporan Statistik perangkaan Kebakaran
 - j) Laporan Pemeriksaan Pili Bomba

- k) Menyemak dan membuat pengesahan SPI
 - l) Laporan Penyelenggaraan Peralatan Pejabat
 - m) Laporan statistik Latihan
 - n) Pengurusan Kewangan (e-FEIS, e-Terimaan)
 - o) Pengurusan ISO dan sebagainya
- ii. Pengurusan Operasi Kebombaan
- a) *Pre-Incident Planning* (Kajian Kawasan, *Risk Assessment*, Lawatan Familiarisasi)
 - b) Penyiasatan kebakaran dan Post Mortem
 - c) Pengurusan laporan (SPI, Moncut, SLKK, e-SPPK, dll)
 - d) Pengurusan sumber Air
 - e) Pengurusan pemeriksaan pili bomba dan sebagainya
- iii. Pengurusan Bekalan Air dan Pili Bomba
- iv. Pengurusan Latihan
- a) Latihan Agensi Kerajaan dan Swasta
 - b) Latihan Kadet Bomba
 - c) Latihan PBS
 - d) Latihan ERT
 - e) Latihan Kelab 3K
 - f) Lawatan Komuniti/ Agensi luar
 - g) Analisis TNA/ log latihan dan sebagainya
- v. Pengurusan Kejuruteraan
- a) Laporan Kerosakan Jentera/ Utiliti/ Kenderaan Marin/ Peralatan Bermotor
 - b) Servis berjadual Jentera/ Utiliti/ Peralatan Bermotor dan sebagainya.
- vi. Pengurusan Kompaun
- a) Aduan Awam
 - b) Berjadual dan lain-lain

vii. Pengurusan Kewangan/ Kutipan Hasil

- a) SLKK
- b) Khidmat Khas Berbayar
- c) Kompaun dan sebagainya

viii. Pengurusan e-FEIS

- a) Menyemak Rekod Permohonan melalui sistem
- b) *Print Bar Code*
- c) Memeriksa nombor APA yg di hantar oleh pelanggan dan sebagainya.

ix. Pengurusan Penguatkuasaan

- a) Pemeriksaan MBK Bulanan
- b) Aduan Orang Awam – MBK
- c) Pemeriksaan Musim Perayaan
- d) JRP dan sebagainya

4. OBJEKTIF STB

Objektif dalam pelaksanaan STB dengan mempersiapkan pegawai di balai memberi manfaat dalam peningkatan kemahiran dan pengetahuan adalah seperti berikut:

- i. Melahirkan HPFO yang seimbang dari segi intelek, kemahiran, kerohanian, fizikal, emosi dan sosial;
- ii. Pembangunan keupayaan tenaga manusia secara jangka panjang melalui pembelajaran berterusan;
- iii. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif; dan
- iv. Meningkatkan produktiviti kerja yang optimum.

5. KONSEP SISTEM TUGASAN BALAI (STB)

Konsep utama STB ialah mempersiapkan barisan hadapan JBPM bagi menghadapi kecemasan dan bencana dengan berkesan dan berjaya. Barisan hadapan ini adalah sekumpulan pegawai bomba yang berada di balai-balai bomba, di sekeliling masyarakat

yang menjadi penentu kepada kejayaan profesion JBPM. Mereka ini akan menjadi perhatian dan dinilai secara berterusan oleh masyarakat.

Istilah “SIAP SIAGA” bukanlah semudah disebut, malah ianya perlu diterjemah dengan tepat agar tidak disalah erti dan akhirnya tersalah pula pelaksanaannya. Ianya memerlukan tindakan dua hala ‘*Top Down*’ dan ‘*Bottom up*’, untuk berlakunya perkongsian keperluan dan kepentingan di antara pihak pengurusan atasan dan pihak pelaksanaan di akar umbi.

Dalam konteks STB, ianya bukan sekadar keperluan dan arahan pihak pengurusan, tetapi ianya adalah keperluan dari pihak akar umbi iaitu petugas di balai-balai. Pegawai diperingkat pelaksana memerlukan ‘INPUT’ untuk mereka berjaya dan selamat semasa menjalankan tugas di tempat kecemasan.

‘INPUT’ ini barangkali berbentuk kekuatan fizikal, ilmu pengetahuan, keberanian, kecekalan, kemahiran, kecepatan bertindak, kaedah pelaksanaan, kerjasama berpasukan, kreativiti dan sebagainya. Pendek kata, seribu satu perkara diperlukan di lokasi kecemasan. Oleh itu, ‘INPUT’ keperluan ini mesti disediakan, maka pegawai -pegawai bomba perlu mempersiapkan diri dan pasukannya lebih awal sebelum menghadiri kecemasan. STB adalah pengisian kepada persekitaran kerja di balai dengan mengambil kira keperluan ‘INPUT’ yang telah dibincangkan. STB inilah yang disusun secara sistematik berdasarkan prinsip S.M.A.R.T. (*Specific, Measurable, Achievable, Reasonable, Time-Bound*). S.M.A.R.T. adalah satu prinsip yang jelas bagi membantu mencapai keberkesanan pelaksanaan pengoperasian yang dilihamkan seperti berikut:

1) **Specific** (Pengkhususan)

- Sasaran lebih jelas dalam setiap tindakan yang ingin dilaksanakan. Setiap sasaran memerlukan maklumat yang terperinci supaya pelaksanaannya terarah dengan baik.

2) **Measurable** (Pengukuran)

- Setiap sasaran memerlukan pencapaian. Pencapaian tersebut perlu dibuat penilaian. Penilaian yang dilakukan perlu diukur bagi melihat perkembangan setia tugas yang diberikan.

3) **Achievable** (Pencapaian)

- Setiap pencapaian memerlukan pertimbangan yang boleh dicapai berdasarkan matlamat yang jelas menggunakan teknik dan kemahiran yang ada untuk melaksanakannya.

4) **Reasonable** (Munasabah)

- Setiap penugasan yang diberikan harus dicapai dalam tempoh masa yang signifikan mengikut penilaian bagi setiap sasaran.

5) **Time Bound** (Ketetapan Masa)

- Keperluan dalam menetapkan masa bagi sasaran yang perlu dilaksanakan.

STB ini bersifat boleh ubah dan fleksibel bergantung kepada kesesuaian selagi ianya mematuhi konsep dan mencapai matlamatnya untuk melahirkan pegawai bomba yang berprestasi tinggi (HPFO).

6. PENERAPAN ELEMEN UTAMA

Setiap elemen yang menjadi aktiviti yang dimasukkan ke dalam STB mempunyai falsafah dan matlamat yang tersendiri yang akan dicapai sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang. Oleh yang demikian, pelaksanaannya perlu mengikut tertib dan prosedur yang telah ditetapkan untuk pencapaian matlamat dan keberkesanan yang tinggi. Penerapan elemen adalah seperti berikut:

- *Multitasking* – anggota bomba perlu menguasai pelbagai tugas dan kemahiran bagi menghadapi kerencaman tugas dan bebanan kerja
- Mengoptimumkan sumber masa dan tenaga manusia
- Mengutamakan keberkesanan operasi kebombaanan (*impact / outcome base*)
- Pembudayaan ilmu dan pembelajaran berterusan
- Pengukuran kompetensi pegawai
- Pembentukan kepimpinan dan disiplin diri
- Keceriaan dan kebersihan
- Budaya penyelenggaraan peralatan, sistem pemeriksaan dan audit
- Kesihatan dan kecergasan
- Kestabilan emosi dan pemantapan kerohanian

- Kerjasama berpasukan
- Kesiapsiagaan yang sistematik
- Pembangunan kreativiti dan inovasi
- Penggalakan penggunaan ICT dan pendigitalan
- Penyusunan dan pemilihan masa adalah berdasarkan justifikasi dan kesesuaian serta selaras dengan budaya kerja Jabatan
- Dan lain-lain

Pelaksanaan elemen di atas perlu disesuaikan bersama jadual tertakluk kepada tajuk seperti berikut:

- i. **Pengurusan Disiplin dan Logistik**
 - Pengurusan disiplin dan logistik ini memastikan pematuhan kepada peraturan dan kesiapsiagaan yang optimum.
- ii. **Pembangunan Kemahiran dan Pengetahuan**
 - Pembangunan kemahiran dan pengetahuan pula harus memastikan tahap kompetensi anggota memenuhi tuntutan penugasan.
- iii. **Pembangunan Kerohanian dan Kestabilan Emosi**
 - Pembangunan kerohanian dilaksanakan dengan meningkatkan sahsiah dan keterampilan diri yang baik.
- iv. **Pembangunan Kecergasan**
 - Pembangunan kecergasan antara elemen yang penting dalam memastikan tahap kecergasan anggota sentiasa dalam keadaan baik supaya semasa bertugas dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang.
- v. **Pembangunan Persekitaran**
 - Pembangunan persekitaran pula perlu dipastikan ruang dan persekitaran balai sentiasa dalam keadaan yang ceria serta kondusif.

- vi. Pembangunan Kemahiran Inovasi dan Kreativiti
 - Pembangunan kemahiran inovasi mempunyai elemen tersendiri dalam menggalakkan pegawai menggunakan kebolehan kreativiti dalam penciptaan sesuatu yang baru.

7. KAJIAN TAHAP KEBERKESANAN PELAKSANAAN SISTEM TUGASAN BALAI

Kajian terhadap keberkesanaan pelaksanaan Sistem Tugas Balai telah dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan ke atas pegawai-pegawai di Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur bermula Julai hingga Oktober tahun 2023 melibatkan 18 BBP.

Kajian yang dilaksanakan pada Julai hingga Oktober 2023 melibatkan sembilan ratus tujuh (907) orang pegawai dari WP Kuala Lumpur telah berjaya menyelesaikan borang soal selidik yang dikeluarkan oleh Bahagian Rancangan dan Penyelidikan JBPM bagi mendapatkan pandangan terhadap keberkesanan pelaksanaan STB. Penglibatan pegawai dalam kajian ini adalah merangkumi:

- i. Pegawai dari kumpulan pelaksana sebanyak 72 peratus dan dari kumpulan pengurusan adalah sebanyak 0.2 peratus,
- ii. Kumpulan umur 26 – 35 tahun sebanyak 49 peratus dan kumpulan umur 56 – 60 tahun sebanyak 1 peratus,
- iii. Status pegawai bujang sebanyak 81 peratus dan status pegawai duda/ janda sebanyak 2 peratus.

Hasil kajian telah membuktikan bahawa, sebanyak 81 peratus pegawai yang amat bersetuju pelaksanaan STB manakala sebanyak 19 peratus pegawai yang amat tidak bersetuju pelaksanaan STB di WP Kuala Lumpur. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan STB ini memberikan manfaat kepada pegawai di WP Kuala Lumpur dan kesan positif yang diterima sepanjang pelaksanaan. Antara *key element* penerimaan pelaksanaan STB ini adalah disiplin dan sikap, faktor usia, faktor kecekapan ICT serta nilai keseronokan bekerja.

Peratus yang tidak setuju oleh pegawai bukan didorong oleh kelemahan STB tetapi disebabkan kelemahan peribadi termasuk faktor umur dan kesukaran menerima perubahan serta keinginan mengekalkan status quo.

Penganalisaan dilaksanakan mengikut domain yang dibina menunjukkan kesan positif dan memberi manfaat kepada pegawai di WP Kuala Lumpur. Pelaksanaan STB merupakan suatu anjakan paradigma kepada Jabatan dalam meningkatkan kualiti pegawai bomba di balai.

8. KAEDAH PELAKSANAAN

8.1 JADUAL TUGASAN STB

Jadual penugasan harian di balai merupakan susunan aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh pegawai sewaktu bertugas yang dijadikan sebagai panduan pelaksanaan. Sila rujuk Jadual Tugas STB seperti di Lampiran 1(A) dan 1(B).

8.1.1. PEMERKASAAN PERTUKARAN SYIF

Pertukaran tugas dan prosedur pertukaran syif diadakan secara panggilan baris setiap kali pasukan masuk dan keluar bertugas. Pelaksanaannya secara kawad khas yang penuh protokol dan istiadat yang mementingkan elemen seperti berikut:

- Pembentukan disiplin diri dan pasukan
- Pembentukan *Leadership & Commandership*
- Penerapan perintah dan kawalan
- Pembentukan karakter dan personaliti
- Pengurusan masa yang efisien
- Hubungan *inter personal* dan kerjasama berpasukan
- Penerapan nilai kerohanian

***Rujuk bersama Prosedur Pertukaran Syif**

Regangan fizikal juga perlu dilaksanakan setelah selesai panggilan baris sebelum memulakan aktiviti seterusnya selama sepuluh (10) minit bagi meningkatkan kardiovaskular pegawai.

8.1.2. PEMERKASAAN FUNGSI BILIK KAWALAN BALAI (BKB)

Bilik Kawalan Balai (BKB) merupakan nadi utama di balai bagi penerimaan dan penyampaian maklumat kecemasan secara terancang dan tersusun. BKB juga adalah hub bagi pelaksanaan perintah dan

kawalan dalam pengurusan insiden. Petugas di Bilik Kawalan mesti mematuhi Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Bilangan 2 Tahun 2017 dan **Manual Pengurusan Balai** yang sedang berkuatkuasa. Rujuk **Lampiran 2** dan Manual Pengurusan Balai (Manual Pengurusan Bilik Kawalan).

8.1.3. PEMERKASAAN PEMERIKSAAN JENTERA DAN PERALATAN

Bagi pemeriksaan dan ujian ke atas jentera dan peralatan, rutin ini sememangnya telah dipraktik di BBP. Penetapan melalui STB ini, ianya dijelaskan seperti di **Lampiran 3**.

Bagi ujian perjalanan jentera dan kefungsi pam yang dijalankan pada setiap minggu juga sepertimana arahan berkuatkuasa seperti di **Lampiran 3**.

8.1.4. SESI ILMU & KEPAKARAN (TEORI & PRAKTIKAL/ PENGGUNAAN PERALATAN/ KAWAD)

Setiap pegawai bomba perlu menguasai ilmu dan kemahiran yang tinggi serta bertindak sebagai ejen bagi mewujudkan *Citizen Life Saver* serta masyarakat yang responsif terhadap keselamatan kebakaran dengan membudayakan amalan keselamatan sendiri yang tinggi. Oleh itu, kesemua sesi ilmu di dalam STB dirangka bagi memenuhi keperluan operasi dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Mekanisme sesi ilmu perlu disesuaikan sama ada secara perbincangan, percambahan idea, penyelesaian masalah, pembentangan kes, bedah siasat dan mana-mana cara yang difikirkan paling berkesan untuk kesemua pegawai menguasai ilmu dan dapat memanfaatkan semasa operasi sebenar. Untuk penjelasan yang lebih menyeluruh, kaedah pelaksanaan sesi ilmu ini adalah seperti di **Lampiran 4**.

8.1.4.1. KAWAD OPERASI

- a. Kawad Operasi akan dijalankan pada setiap hari Selasa selama dua (2) jam 30 minit bagi pasukan yang bertugas pada hari tersebut.
- b. Adalah diwajibkan semua anggota yang bertugas pada hari tersebut menjalankan aktiviti kawad operasi.
- c. Contoh kaedah pelaksanaan yang dicadangkan seperti berikut:
 - i) Bahagikan masa selama dua (2) jam 30 minit kepada beberapa sesi.
Contohnya:
 - 1 jam pertama adalah untuk penerangan jenis kawad dan pembahagian tugas.
 - 1 jam seterusnya adalah pelaksanaan operasi kawad kaki
 - 30 minit terakhir adalah untuk mengemas peralatan.
 - ii) Membuat jadual mingguan jenis kawad operasi yang akan dijalankan.
Contohnya:
 - Minggu pertama adalah kawad operasi pam 3 atau 4 (A)
 - Minggu kedua adalah kawad operasi pam 5 atau 6 (B)
 - Minggu ketiga adalah kawad operasi pam 7 atau 8 (C)
 - Minggu keempat adalah kawad operasi tangga dan sebagainya.
- d. Setiap kategori balai disarankan membuat jadual mingguan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan.

8.1.4.2. KAWAD MAHIR

- a. Kawad mahir dijalankan pada setiap hari Khamis selama dua (2) jam 30 minit bagi pasukan yang bertugas pada hari tersebut.
- b. Adalah diwajibkan semua anggota yang bertugas pada hari tersebut menjalankan aktiviti kawad mahir.

- c. Pelaksanaan kawad mahir ini akan membantu meningkatkan penguasaan dan kecekapan penggunaan peralatan.
- d. Contoh kaedah pelaksanaan Kawad Mahir seperti berikut:
- i) Bahagikan masa selama dua (2) jam 30 minit kepada beberapa sesi.
Contohnya:
 - 1 jam pertama adalah untuk penerangan jenis kawad dan pembahagian tugas dengan merujuk buku yang berkaitan.
 - 1 jam seterusnya adalah pelaksanaan Kawad Mahir berbentuk simulasi
 - 30 minit terakhir adalah untuk mengemas peralatan.
 - ii) Membuat jadual mingguan jenis kawad mahir yang akan dijalankan.
Contohnya:
 - Minggu pertama adalah kawad mahir Tatacara Pemakaian *Breathing Apparatus* (B.A.)
 - Minggu Kedua adalah kawad mahir Tali Penyelamatan (SAR)
 - Minggu ketiga adalah kawad mahir *Rescue Tools* (RTA)
 - Minggu keempat adalah kawad mahir UNIT KHAS (EMRS, PPDA & HAZMAT)
- e. Setiap kategori balai disarankan membuat jadual mingguan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan.

8.1.4.3. KAWAD KAKI

- a. Kawad Kaki akan dijalankan pada setiap hari Jumaat selama satu (1) jam tiga puluh minit.
- b. Adalah diwajibkan semua anggota yang bertugas pada hari tersebut menjalankan aktiviti kawad kaki.
- c. Pematuhan tatacara dan disiplin kawad perlu dititikberatkan.
- d. Kaedah pelaksanaan kawad kaki yang sesuai bagi situasi semasa di balai. Boleh dilaksanakan dengan:

i. Bahagikan jumlah jam bagi setiap bilangan pegawai yang terlibat.
Contohnya 5 minit seorang menjadi pemberi arahan di hadapan.

ii. Bahagikan jenis perlakuan kawad untuk setiap 4 minggu dalam sebulan. Contohnya:

- minggu pertama asas kawad kaki dan khutbah kawad
- Minggu kedua cara cepat jalan yang betul serta melakukan 5 jenis perintah kawad
- Minggu ketiga cara perlahan jalan yang betul serta melakukan 5 jenis perintah kawad.
- Minggu keempat semua pegawai akan menjadi pemberi arahan di hadapan serta mempelajari cara melaungkan perintah kawad menggunakan suara yang kuat dengan tempoh (harakat) yang betul.

e. Setiap kategori balai disarankan membuat jadual mingguan yang difikirkan lebih sesuai untuk dilaksanakan.

***Rujuk bersama Buku Kawad Kaki (7 Siri dan 12 Siri) yang berkuatkuasa**

8.1.5. RANCANGAN PRA INSIDEN KEBAKARAN

Pelaksanaan Rancangan Pra Insiden Kebakaran yang diketengahkan adalah seperti di **Lampiran 5**.

8.1.6. PEMERKASAAN AKTIVITI KECERGASAN

Pemeriksaan aktiviti kecergasan dirangka bagi meningkatkan tahap stamina dan kekuatan fizikal pegawai. Aktiviti ini sewajarnya dilaksanakan secara terancang dan dinamik bagi mengekalkan serta meningkatkan tahap kesihatan. Panduan lengkap bagi pelaksanaan ini hendaklah dirujuk pada **Lampiran 6**.

Rujuk jua **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2024 - Pelaksanaan Ujian Kecergasan JBPM** dan *Wellness Hub* serta arahan yang berkuatkuasa.

8.1.7. PEMERKASAAN PEMBANGUNAN KEROHANIAN DAN KESTABILAN EMOSI

Pegawai bomba seharusnya memiliki kekuatan spiritual atau kerohanian yang utuh bagi melengkapkan potensi diri di dalam pelaksanaan tugas yang mencabar. Kekuatan ini amat diperlukan bagi menghadapi suasana tegang, tragis, trauma semasa pengurusan insiden. Kekuatan spiritual ini juga amat penting di dalam pembentukan sahsiah diri dan mengelakkan dari melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan.

Pegawai yang beragama Islam ditekankan untuk solat berjemaah bagi membentuk sahsiah diri serta mengeratkan semangat berpasukan. Manakala, bagi pegawai bukan beragama Islam digalakkan mengikut amalan agama masing-masing.

Rujuk jua **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2020 - Garis Panduan Pengurusan dan Pengimarah Surau Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** dan arahan yang berkuatkuasa.

8.1.8. PENGURUSAN INSIDEN DAN ICS

Pengurusan Insiden dan ICS dalam dijalankan pada setiap hari Sabtu selama satu (1) jam. Semua anggota hendaklah melaksanakan aktiviti ini dalam bentuk berkumpul seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Rujuk jua **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 – Sistem Perintah dan Kawalan Insiden** dan arahan yang berkuatkuasa.

8.1.9. PERAWATAN KECEMASAN/ AMALI ROAD TRAFFIC ACCIDENT (RTA)

Amali perawatan kecemasan dan latihan RTA dijalankan pada setiap hari Isnin selama dua (2) jam 30 minit. Semua pegawai hendaklah menjalankan sesi amali dengan memilih persekitaran yang sesuai.

Bagi Amali Perawatan Kecemasan, pegawai EMRS atau berkelayakan bertindak sebagai pemudahcara dalam pelaksanaan latihan pengendalian mangsa, pengendalian peralatan dan kajian kes adalah seperti berikut:

i) Pengendalian mangsa

- CPR
- Mangsa Trauma
- Mangsa Non-Trauma

ii) Pengendalian peralatan

- Pemasangan *Cervical Collar*
- Penggunaan *Stretcher*, *Splint* dan KED
- Peralatan Perawatan

iii) Kajian Kes

- Merujuk kes pernah berlaku

Pelaksanaan Amali Pengendalian Mangsa Trauma/ Non-Trauma hendaklah menggunakan teknik dan prosedur perawatan berkaitan yang berkuatkuasa sebagai tindakan penyelamatan.

Rujuk **Buku Panduan EMRS Panduan Perawatan Kecemasan Tahun 2019** dan arahan semasa yang berkuatkuasa.

Bagi sesi amali RTA, ianya mengambil kira jenis kemalangan yang perlu dipraktikkan, latihan pengendalian peralatan penyelamatan (RTA) perlu ditekankan berdasarkan tatacara atau prosedur yang berkuatkuasa. Contoh kes kemalangan untuk sesi amali adalah seperti berikut:

- i. Mangsa tersepit di dalam kenderaan;
- ii. Kenderaan jatuh gaung atau di dalam air;
- iii. Kemalangan yang melibatkan ramai mangsa;
- iv. Kemalangan yang melibatkan bahan merbahaya

Rujuk jua **PTKP Bil. 8 Tahun 2019 - Kemalangan Jalan Raya (RTA), Buku Panduan Pengendalian Kemalangan Jalan Raya Tahun 2019 (RTA)** dan arahan yang berkuatkuasa.

8.1.10. AMALI/ PENGURUSAN HAZMAT

- i. Amali pengurusan insiden yang melibatkan HAZMAT dibuat pada setiap hari Selasa selama dua (2) jam 30 minit.
- ii. Setiap pegawai perlu menjalankan sesi amali/ pengurusan HAZMAT dengan memilih persekitaran yang sesuai sebagai pasukan *first responder*.
 - a) Pelaksanaan sesi amali/ pengurusan HAZMAT, ianya mengambil kira jenis bahan berbahaya, insiden, pengendalian peralatan penyelamatan (HAZMAT) yang sesuai perlu ditekankan berdasarkan prosedur yang berkuatkuasa. Contoh insiden untuk sesi amali adalah seperti berikut:
 - Letupan
 - Gas
 - Cecair Mudah Terbakar
 - Pepejal Mudah Terbakar
 - Bahan Pengoksidaan
 - Bahan Toksik
 - Bahan Radioaktif
 - Bahan Penghakis
 - Pelbagai Bahan Bahaya

- b) Latihan amali/ Pengurusan HAZMAT, pegawai berkecualan akan bertindak sebagai pemudahcara dalam pelaksanaan latihan pengendalian kes.

Rujuk juga **PTKP Bil. 4 Tahun 2020 - Regional HAZMAT & CBRNe Team, Buku Panduan HAZMAT & CBRNe - RIPNOT Pasukan Keluaran Operasi Tahun 2019,** dan **POS 2.2 Tahun 2007 - Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT)** serta arahan yang berkuatkuasa.

8.1.11 SESI AMALI/ TEORI PENYELAMATAN MENGGUNAKAN TALI

- i. Amali/ Teori penyelamatan menggunakan tali dijalankan pada setiap hari Rabu selama dua (2) jam 30 minit.
- ii. Setiap pegawai perlu menjalani sesi amali dengan memilih persekitaran yang sesuai sebagai peningkatan kemahiran dan profesionalisme.
- iii. Sesi amali/ teori penyelamatan, ianya mengambil kira jenis insiden, lokasi insiden. Penetapan ini akan menentukan teknik, taktik dan peralatan yang akan digunakan.
- iv. Terdapat beberapa kaedah pelaksanaan yang akan dijalankan adalah dengan membahagikan masa pelaksanaan selama dua (2) jam 30 minit kepada beberapa sesi seperti:
 - Satu (1) jam pertama adalah Teori Penyelamatan menggunakan tali dengan merujuk buku 7 jilid dan 12 siri.
 - Pasukan diminta membincangkan pelbagai simulasi kes yang bersesuaian dengan kekuatan pegawai. Contohnya, menyelamatkan mangsa terperangkap di cerun tinggi atau gaung, mangsa terperangkap di kawasan berair atau membawa naik atau turun mangsa atau peralatan menyelamatkan
 - Satu (1) jam seterusnya adalah pelaksanaan amali kes yang dibincangkan.

- 30 minit seterusnya adalah rumusan kes dan penambahbaikan.

8.1.12 SESI AMALI KEJURUTERAAN & PENGURUSAN KENDERAAN

- Amali kejuruteraan & pengurusan kenderaan dijalankan pada setiap hari Jumaat selama dua (2) jam 30 minit.
- Semua anggota diwajibkan menjalankan amali pengurusan dengan memilih persekitaran yang sesuai.
- Setiap pegawai yang mempunyai ETKP dan pemandu yang mempunyai pelantikan memandu kenderaan jabatan akan menjadi fasilitator.
- Kaedah pelaksanaan sesi ini, fasilitator di minta mengajar seperti:
 - Pengisian Buku log kenderaan
 - Pemeriksaan Kenderaan dengan amalan **P.O.W.E.R.D.**
 - Pembudayaan Penyelenggaraan Kerosakan kecil
 - Amalan pemanduan berhemah.

Amali serta teori Kejuruteraan dan pengurusan kenderaan ini dilihat dapat meningkatkan kualiti kesiapsiagaan kenderaan jabatan.

8.1.13 SESI 'INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGIES' (ICT)

- Bagi tujuan pembudayaan dalam bidang ICT, semua lapisan kakitangan di balai perlu mahir dalam penggunaan peralatan computer dan aplikasi ICT. Sehubungan dengan itu, sesi ICT diwujudkan dalam jadual Sistem Tugas Balai bagi meningkatkan kualiti dan penguasaan ilmu berkenaan ICT.
- Pengaplikasian Sistem **Command, Control, Communications, Computers dan Intelligence (C4i)** merupakan suatu sistem yang menggunakan teknologi terkini dalam menyampaikan maklumat secara lebih inklusif, cepat dan berkesan.
- Antara topik yang boleh dibincangkan dalam sesi ini adalah berkenaan:

- *Command, Control, Communications, Computers and Intelligence (C4i)*
- Dasar Keselamatan ICT
- Tatacara Penggunaan Peralatan Sistem Komunikasi
- Kawalan Penggunaan pada Sistem Komunikasi
- Kawalan Keselamatan Peralatan dan Sistem Komunikasi
- Tatacara Penggunaan Sistem Pelaporan Insiden (SPI)
- Tatacara Penggunaan Sistem Aplikasi yang dibangunkan seperti *MyApps*, e-FEIS, e-Premis, SPKA, SPPB, e-sPPK, dan lain – lain.
- Pengenalan dan Penggunaan e-mel
- Tatacara Penggunaan Sistem Aplikasi yang dibangunkan dari agensi luar seperti FORFIS
- Penghantaran laporan melalui aplikasi di komputer
- Pengenalan aplikasi baru dalam Jabatan
- Maklumat Aset Jabatan melalui Sistem Pengurusan Aset (SPA)

8.1.14 *PHYSICAL TRAINING (PT)*

- i. *Physical Training* dijalankan setiap hari selama satu (1) jam
- ii. Semua pegawai yang bertugas pada hari tersebut hendaklah menjalankan *physical training* bagi meningkatkan kecergasan dan stamina.
- iii. Kaedah pelaksanaan PT:
 - Membuat regangan otot (pemanasan badan)
 - Pelaksanaan aktiviti psikomotor (pergerakan), Contoh:
 - Membuat larian atau *jogging* di kawasan balai
 - *Push up*, *Sit Up* dan *Chin Up* mengikut tahap kemampuan
 - Regangan otot (cooling down)
- iv. Amalan ini akan dapat memastikan kecergasan dan kesihatan pegawai dapat dipantau.

8.1.15 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan pematuhan piawaian yang dilaksanakan bagi memastikan persekitaran kerja selesa, harmoni dan menarik minat untuk bekerja. EKSA juga menuntut supaya pegawai lebih kreatif, inovatif dan proaktif untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan EKSA secara langsung menyokong usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi.

Rujuk **Buku Garis Panduan EKSA** dan arahan semasa yang berkuatkuasa.

8.1.16 SESI KREATIVITI & INOVASI

Sesi ini dikhususkan untuk aktiviti Kumpulan Inovasi & Kreativiti (KIK) di balai bomba. Keterlibatan secara langsung pegawai di dalam KIK akan memupuk tahap pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif bagi penghasilan mutu kerja yang lebih berkualiti.

8.1.17 KEANJALAN (FLEKSIBILITI) DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI DALAM STB

Pelaksanaan STB bukanlah semata-mata terikat kepada elemen yang telah dijadualkan, malah perubahan boleh dilakukan oleh Ketua Balai atau Penyelia sama ada pengurangan atau penambahan elemen/ aktiviti secara terancang.

Perubahan yang dilakukan hendaklah mempunyai justifikasi yang difikirkan bersesuaian untuk sokongan dan diputuskan. Sebarang perubahan yang dilakukan hendaklah mempunyai nilai tambah (*value added*) untuk mencapai hasrat HPO dan HPFO.

Bagi negeri-negeri yang cuti hujung minggu jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu, keutamaan pelaksanaan pengurusan pili bomba dan sumber air boleh dilaksanakan pada hari-hari tersebut bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan komuniti.

8.2 STESEN KERJA (WORK STATION)

Kerja-kerja tadbir urus di dalam pelaksanaan tugas di balai yang telah dikelaskan mengikut kesesuaian berpanduan kepada jenis atau perkara yang hampir sama di

dalam satu-satu stesen kerja. Bagi pelaksanaan tugas yang teratur, penyediaan stesen kerja mengikut kesesuaian dan keperluan lokasi (BBP) masing-masing amat diperlukan. Stesen kerja ini akan memudahkan proses tadbir urus, penyimpanan dokumen dan rekod serta suasana kerja yang teratur dan kemas. Pelaksanaan stesen kerja ini akan dapat meningkat serta memantapkan:

A. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN BALAI

Pengurusan dan pentadbiran balai merangkumi tugas pentadbiran, khidmat pelanggan jabatan, pengurusan ICT, perundangan & pili bomba, pengurusan kenderaan dan aset jabatan, e-FEIS dan komunikasi. Semua tugas-tugas ini akan menentukan kualiti pengurusan pejabat di balai seluruh Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pengurusan dan pentadbiran balai yang cekap bergantung kepada keberkesanan proses kerja di setiap stesen kerja bagi mengimbangi ilmu pengetahuan dan kemahiran pegawai di balai sebelum menghadiri kes kecemasan.

Setiap pegawai perlu melibatkan diri di stesen kerja bagi meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran bukan sahaja melibatkan bidang kebombaian malah penguasaan ilmu dan kemahiran bahagian pengurusan dan pentadbiran balai. Penambahbaikan telah dibuat bermula dengan peralihan tugas (pertukaran syif) dengan memantapkan elemen disiplin dan spiritual (doa) dan pemenuhan jadual bertugas dengan penguasaan ilmu dan kemahiran pelbagai bidang tugas.

B. PENAMBAHBAIKAN DAN 'VALUE ADDED'

Penglibatan pegawai di setiap stesen kerja dapat memastikan pemantapan kapasiti dan keupayaan pegawai secara dinamik yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran balai. Proses ini secara tidak langsung dapat melahirkan pegawai yang berprestasi tinggi selari dengan visi jabatan serta dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kebombaian.

i. Memupuk Pengetahuan dan Kemahiran Tinggi Dalam Bidang Pengurusan

Selain menjalankan tugas operasi di balai, setiap pegawai adalah dituntut untuk mempelajari bidang pengurusan lain-lain bahagian.

Pelantikan pegawai yang kompeten/mahir sebagai mentor kepada pegawai baru dalam membantu proses pembelajaran secara dinamik.

ii. Menambah Keyakinan Diri

Penguasaan pelbagai bidang ilmu pengurusan balai yang merangkumi aspek perancangan sehingga boleh menilai akan menambah keyakinan diri dan tidak kekok apabila melaksanakan tugas di lapangan.

iii. Melahirkan Pegawai Yang Berkebolehan Berfikir Secara *MULTITASKING*

Semua pegawai semestinya boleh menerima dan melaksanakan peringkat tugas yang pelbagai dalam satu-satu masa melalui penguasaan ilmu yang telah digarap dalam pelaksanaan STB. Penguasaan ilmu ini akan membolehkan seseorang pegawai merancang, mengurus serta melaksanakan tugas secara teratur dan berkesan

iv. Serah Terima Tugas

Peningkatan kualiti pelaksanaan kesinambungan tugas akan dapat direalisasikan dengan kekemasan rekod dan dokumentasi yang dilaksanakan di dalam pertukaran syif.

v. Pembelajaran Secara Berterusan

Stesen kerja yang diwujudkan dapat memberi peluang dan ruang kepada pegawai untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, disokong kaedah mentor mentee dalam proses pembelajaran secara berterusan dapat menyokong keberkesanannya.

Nota:

*Tugas pengurusan dan pentadbiran ini boleh diaplikasikan mengikut kepada kategori balai sama ada balai A, B, C dan D. Walaubagaimanapun peraturan-peraturan yang sedia ada hendaklah dipatuhi.

*Ketua Balai hendaklah memantau setiap tugas yang dijalankan oleh pegawai yang bertugas di setiap Stesen Kerja.

8.2.1. STESEN KERJA DALAM SISTEM TUGASAN BALAI

STB telah menetapkan enam (6) Stesen Kerja yang perlu dilaksanakan secara serentak dan terangkum pada setiap masa di semua kategori balai. Berikut adalah penerangan berkaitan penugasan di setiap stesen kerja.

BIL	STESEN KERJA	PENERANGAN
1.	Stesen Kerja A (Pengurusan Bilik Kawalan)	Stesen Kerja A merupakan <i>Command & Control</i> yang menjadi nadi utama di Balai. Petugas di Bilik Kawalan mahir dalam aspek ICT dan pendigitalan. Stesen Kerja A berperanan sebagai Pusat Kawalan apabila berlakunya insiden. Stesen Kerja A juga berfungsi sebagai <i>Fire Reporting Officer</i> yang dihantar terus kepada PGO. Petugas di Bilik Kawalan berperanan menyalurkan maklumat berkaitan kepada <i>Incident Commander</i> berpanduan Buku Operasi Bomba, Bahan- Bahan rujukan di Bilik Kawalan seperti PIP dan lain-lain.
2.	Stesen Kerja B (Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Jentera dan Peralatan)	Stesen Kerja B berperanan penting dalam memastikan <i>serviceability</i> bagi sumber logistik dan aset yang optimum. Petugas di Stesen Kerja B berkeperluan untuk melaksanakan pemeriksaan peralatan operasi dalam dan luar jentera, membuat ujian, penyelenggaraan kenderaan, penyelenggaraan tidak bermotor pengurusan kad inden minyak dan buku log kenderaan dan pelaporan kemalangan. Petugas ini berperanan melaksanakan mengikut <i>checklist</i> mengikut sistem ALiS yang didigitalisasi melalui C4i.
	Stesen Kerja C	Stesen Kerja C berperanan sebagai pusat pengurusan pentadbiran dan khidmat

3.	(Pengurusan Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan Jabatan)	pelanggan yang utama di BBP. Petugas berkeperluan untuk melaksanakan pengurusan surat keluar masuk, pengurusan sistem fail, pengurusan pasukan khas, pasukan kadet bomba, bomba sukarela, bomba komuniti, pengurusan tindakan tatatertib, soal selidik pelanggan, kesedaran awam, pengurusan kuarters, pusat sehati pasca insiden dan latihan kawad mahir (<i>Fire Drill</i>)/ Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) di peringkat BBP.
4.	Stesen Kerja D (Pengurusan Perundangan, Penyiasatan Kebakaran dan Pengurusan Pili Bomba)	Stesen Kerja D merupakan ruang kerja yang melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti MBK, pelesenan, kompaun, dokumentasi laporan, penyiasatan kebakaran (di bawah 10%), pelaporan statistik, pengurusan sumber air dan pili bomba dan penjanaan sistem pengurusan pili bomba (SPPB). Petugas berperanan meningkatkan penguatkuasaan di sekitar radius BBP dalam setiap tugas yang diberikan.
5.	Stesen Kerja E (Pengurusan Sumber Manusia, Aset dan ICT)	Stesen Kerja E berkeperluan dalam mengaplikasikan sistem pengurusan aset (SPA), HRMIS, <i>MyApps</i> , multimedia, pengurusan cuti, pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Petugas juga berperanan dalam pengurusan latihan dan kursus pegawai di BBP, penyelenggaraan peralatan pejabat dan dokumen MS ISO.
6.	Stesen Kerja F (Pengurusan e-FEIS)	Stesen Kerja F berkeperluan dalam melaksanakan semakan dan pemeriksaan alat pemadam api, pengesahan <i>bar code</i> . Petugas

		juga berperanan untuk meningkatkan penguatkuasaan semasa melakukan pemeriksaan alat pemadam api dalam keadaan baik. Petugas di Stesen Kerja F ini hanya berkeperluan bagi BBP yang mempunyai pengurusan e-FEIS.
--	--	---

8.2.2 SUMBER RUJUKAN DI STESEN KERJA

Pelaksanaan tugas di setiap stesen kerja tertakluk kepada sumber rujukan sama ada sumber rujukan tersebut berasal dari dalaman jabatan atau sumber rujukan luar yang relevan serta berkuatkuasa.

BIL	STESEN KERJA	SKOP TUGASAN	SOP/ PERATURAN/ PROSES KERJA
1.	Stesen Kerja A (Pengurusan Bilik Kawalan)	<i>Command, Control, Communications, Computers dan Intelligence (C4i)</i> Komunikasi, Sistem Pelaporan Insiden (SPI), MERS 999, SPKA dan <i>Lite CAD</i>	JBPM/ PK/ 01 Operasi Kebombaan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 2 Tahun 2017 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 1 Tahun 2023 Arahan Bertugas di Bilik Kawalan Manual Pengurusan Balai POS 1.2 Pusat Pengurusan Operasi & Pusat Gerakan Operasi Tahun 2011 POS 1.3 Pelaksanaan dan Penggunaan Aplikasi Sistem Pelaporan Insiden (SPI) Surat Arahan Pelaksanaan KPI <i>Response Time</i> . Senarai Tugas Bilik Kawalan Balai

2.	Stesen Kerja B (Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Jentera dan Peralatan)	Checklist Peralatan Operasi Dalam dan Luar Jentera, Membuat Ujian, Penyelenggaraan Kenderaan, Penyelenggaraan Tidak Bermotor, Pengurusan Kad Inden Minyak dan Buku Log Kenderaan, Pelaporan Kemalangan dan Penentuan Tentukuran	JBPM/PK/01 Operasi Kebombaan JBPM/PS/05 Penyelenggaraan Pembaikan Kenderaan Bomba/ Peralatan Kebombaan Berenjin JBPM/PS/06 Servis Kenderaan Bomba/ Peralatan Kebombaan Berenjin JBPM/PS/07 Penyelenggaraan Peralatan Tidak Bermotor JBPM/PS/10 Pengendalian Kemalangan Kenderaan Bomba JBPM/PS/21 Penggunaan dan Kawalan Kad Inden Bahan Api JBPM/PS/22 Penentuan Tentukuran Peralatan WP4.1 Pengurusan Kenderaan Jabatan
3.	Stesen Kerja C (Pengurusan Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan Jabatan)	Pengurusan Sistem Fail, Pengurusan Pasukan Khas, Pasukan Kadet Bomba, Bomba Sukarela, Bomba Komuniti, Pengurusan Tindakan Tatatertib, Soal Selidik Pelanggan, Kesedaran Awam, Pengurusan Kuarters, Pusat Sehati Pasca Insiden dan Latihan Kawad Mahir (<i>Fire Drill</i>) / Organisasi	JBPM/PK/08 Kursus Kesedaran Awam JBPM/PS/13 Kawalan Rekod Kualiti JBPM/PS/17 Pengurusan Pasukan Bomba Sukarela JBPM/PS/19 Urusan Tindakan Tatatertib JBPM/PS/20 Soal Selidik Pelanggan JBPM/PS/25 Pengurusan Kuarters JBPM/PS/26 Pendidikan Awal Kadet Bomba JBPM/PS/27 Program Kesedaran Awam & Kelab 3K JBPM/PS/33 Pengurusan Risiko

		Keselamatan Kebakaran (OKK).	
4.	Stesen Kerja D (Pengurusan Perundangan, Penyiasatan Kebakaran dan Pengurusan Pili Bomba)	Aktiviti MBK, Pelesenan, Kompaun, Dokumentasi Laporan, Penyiasatan Kebakaran (Di Bawah 10%), Pelaporan Statistik, Pengurusan Sumber Air dan Pili Bomba dan Penjanaan Sistem Pengurusan Pili Bomba (SPPB)	JBPM/PK/09 Menghapus Bahaya Kebakaran JBPM/ PK/ 11 Perlesenan JBPM/ PK/ 12 Siasatan Kebakaran JBPM/ PS/ 16 Pengumpulan Perangkaan JBPM/ PS/ 08 Pili Bomba Buku Manual SPPB
5.	Stesen Kerja E (Pengurusan Sumber Manusia, Aset, ICT, JKPP & Pengurusan Cuti)	Sistem pengurusan Aset (SPA), HRMIS, <i>MyApps</i> , Multimedia, Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Pengurusan Latihan dan Kursus Pegawai, Pengurusan Cuti, Penyelenggaraan Peralatan Pejabat dan Dokumen MS ISO	JBPM/PS/09 Penyelenggaraan Peralatan Pejabat JBPM/PS/15 Latihan Kakitangan JBPM/PS/24 Pengurusan Aset Alih JBPM/PS/32 Pengurusan Aset Tak Alih
6.	Stesen Kerja F e-FEIS	Semakan dan Pemeriksaan Alat Pemadam Api, Pengesahan <i>Bar Code</i>	JBPM/ PS/ 18 Pemeriksaan dan Pengesahan Alat Pemadam Api Sistem e-FEIS

8.2.3. PERKARA YANG PERLU ADA DI SETIAP STESEN KERJA

Setiap stesen kerja hendaklah diberi penandaan atau identiti mengikut kesesuaian yang selaras. Berikut adalah penetapan identiti yang telah dimuktamadkan:

8.2.3.1. REKA BENTUK *SIGNAGE* STESEN KERJA

Signage bagi setiap stesen kerja telah diselaraskan untuk dipraktikan bagi semua BBP. BBP perlu mereka bentuk *signage* bersaiz kertas A4 berbentuk *landscape* secara berwarna, di *lamine* mengikut kreativiti dan dipaparkan pada setiap stesen kerja. Contoh *signage* seperti di **Lampiran 7**.

8.2.3.2. REKA BENTUK SKOP TUGASAN & STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP)/ PERATURAN/ PROSES KERJA

Signage Skop Tugas dan SOP/ Peraturan/ Proses Kerja perlu dipaparkan bersama dengan sinage stesen kerja. BBP perlu mereka bentuk *signage* skop tugas yang bersaiz kertas A4 berbentuk *portrait* secara berwarna dan di *lamine* mengikut kreativiti tersendiri. Contoh *signage* seperti di **Lampiran 8**.

8.2.3.3. BUKU PENYERAHAN TUGASAN BELUM SELESAI (*HANDOVER BOOK*)

Setiap BBP perlu mewujudkan '**Buku Penyerahan Tugas Belum Selesai**' bagi setiap Stesen Kerja (kecuali Stesen Kerja A) bagi memudahkan pegawai yang menyambung tugas mengetahui setiap butiran kerja-kerja yang masih berlangsung. *Handover Book* hendaklah bersaiz A4. Contoh reka bentuk *Handover Book* seperti di **Lampiran 9**.

8.2.3.4. JADUAL ANGGOTA BERTUGAS DAN NAMA ANGGOTA PADA STESEN KERJA

Setiap BBP perlu menyediakan jadual bagi keseluruhan keanggotaan yang bertugas di setiap stesen kerja mengikut syif. Setiap stesen kerja perlu dipamerkan nama pegawai yang bertugas mengikut syif. Rujuk **Lampiran 10**.

8.2.4. PENETAPAN NOMBOR GILIRAN BERDASARKAN KEPADA KELUARAN JENTERA DI BALAI MENGIKUT NORMA

Penetapan nombor giliran kepada setiap pegawai di dalam satu-satu pasukan adalah secara tetap mengikut keluaran yang ada bagi setiap balai.

Berikut merupakan ketetapan bagi penstrukturan semula pusingan kerja yang perlu dilaksanakan dan diselaraskan oleh setiap BBP berpandukan kepada keluaran jentera, bilangan pemandu jentera dan jumlah keanggotaan. Oleh itu, sila rujuk **Lampiran 11(A), 11(B), 11(C), dan 11(D)**.

8.2.5 JADUAL PENGILIRAN STESEN KERJA

Setiap pegawai perlu bertugas di setiap stesen kerja yang diwujudkan dan tempoh cadangan ideal bagi permulaan pelaksanaan penggiliran di stesen kerja selama dua (2) bulan. Penggiliran pegawai di setiap stesen kerja berdasarkan pusingan jadual kerja yang ditetapkan oleh ketua balai dalam tempoh dua (2) bulan bagi fasa permulaan. Seterusnya, apabila pegawai telah mahir di setiap stesen kerja, penggiliran tugas perlu mengikut tempoh pusingan selama dua (2) minggu di setiap stesen kerja. Setiap penggiliran stesen kerja tersebut akan selesai dalam tempoh lebih kurang dua (2) bulan. Walaubagaimanapun, penetapan tempoh masa bergantung kepada ketua balai dalam merancang jadual penggiliran di stesen kerja yang ideal.

Kaedah Mentor Mentee pula diwujudkan bagi membantu setiap pegawai dalam melaksanakan tugas di stesen kerja. Setelah pegawai selesai di stesen kerja yang ditugaskan, pegawai tersebut perlu menjadi mentor kepada pegawai baru yang mengambil alih stesen kerja tersebut. Penyelia akan memantau dan memberikan laporan kepada ketua balai setiap tugas yang dilaksanakan.

Selain itu, setiap pegawai akan diberikan nombor secara tetap mengikut keutamaan keluaran balai bagi jadual penggiliran. Pegawai yang ditugaskan akan mengikut nombor yang ditempatkan di satu - satu Stesen Kerja bagi memudahkan pusingan kerja mengikut keluaran. Fleksibiliti jadual penggiliran tugas ini tertakluk

kepada ketua balai yang mana difikirkan terbaik untuk dijalankan di balai mengikut jumlah keanggotaan di setiap stesen kerja.

Petugas di Bilik Kawalan Balai (BKB) merupakan nadi utama dalam pengoperasian di balai memerlukan kekuatan anggota yang mencukupi. Berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Bilangan 2 Tahun 2017 di para 5.2.2 telah menetapkan tempoh minimum bagi setiap penugasan di BKB hendaklah sekurang-kurangnya empat (4) jam dan para 5.1.1 menyatakan Ketua Balai perlu menetapkan seramai tiga (3) orang pegawai pada setiap pasukan yang akan bertugas di Bilik Kawalan Balai (BKB).

Oleh itu, Ketua Balai perlu melaksanakan penggiliran setiap petugas di BKB bagi setiap pasukan yang difikirkan terbaik bagi pengoperasian di balai. Bagi Pegawai Bomba Bantuan (PBB) juga tidak terkecuali dalam setiap pelaksanaan penugasan di stesen kerja dengan pengawasan dari pegawai sepenuh masa yang bertugas di stesen kerja yang sama.

8.2.5.1 Contoh BBP yang mempunyai satu (1) keluaran *Fire Rescue Tender* (pegawai sepenuh masa)

Bil	Norma	Nombor
1	Bilik kawalan	1
Keluaran jentera		
1	Pemandu	2
6	Keanggotaan	3
		4
		5
		6
		7
		8

Stesen Kerja	Minggu 1-2			Minggu 3-4			Minggu 5-6			Minggu 7-8		
	Pasukan			Pasukan			Pasukan			Pasukan		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
A	1	1	1	8	8	8	7	7	7	6	6	6
B	2, 7	2, 7	2, 7	1, 6	1, 6	1, 6	8, 5	8, 5	8, 5	4	4	4
C	3, 8	3, 8	3, 8	2, 7	2, 7	2, 7	1, 6	1, 6	1, 6	5	5	5
D	4	4	4	3	3	3	2	2	2	1, 7	1, 7	1, 7
E	5	5	5	4	4	4	3	3	3	2, 8	2, 8	2, 8
F	6	6	6	5	5	5	4	4	4	3	3	3

- *Nota:
1. Penugasan setiap nombor yang telah ditetapkan mengikut Stesen Kerja secara penggiliran adalah selama 2 minggu bagi satu-satu sesi.
 2. Pegawai ke-2 selepas pengisian penuh Stesen Kerja (no 7 dan seterusnya) boleh ditempatkan pada Stesen Kerja yang lebih diutamakan mengikut keperluan BBP masing-masing.
 3. Bagi pegawai yang bertugas di Bilik Kawalan Bomba pada pertukaran syif, dia akan bertugas di Stesen Kerja pegawai yang akan menggantikannya mengikut penggiliran.

8.2.5.2 Contoh BBP yang mempunyai satu (1) keluaran *Fire Rescue Tender* (Pegawai Sepenuh Masa dan Pegawai Bomba Bantuan)

Bil	Norma	Nombor
1	Bilik kawalan	1 (PSM)
	Keluaran jentera	
1	Pemandu	2 (PSM)
6	Keanggotaan	3 (PSM)
		4 (PSM)
		5 (PBB)
		6 (PBB)
		7 (PBB)
		8 (PBB)

Stesen Kerja	Minggu 1-2			Minggu 3-4			Minggu 5-6		
	Pasukan			Pasukan			Pasukan		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
A	1	1	1	4	4	4	3	3	3
B	2, 5	2, 5	2, 5	1, 7, 8	1, 7, 8	1, 7, 8	4,6	4,6	4,6
C & E	3, 6, 8	3, 6, 8	3, 6, 8	2, 5, 8	2, 5, 8	2, 5, 8	1,7	1,7	1,7
D & F	4,7	4,7	4,7	3,6	3,6	3,6	2, 5, 8	2, 5, 8	2, 5, 8

*Nota:

Pemilihan penggabungan stesen kerja tidak tertakluk seperti penulisan di atas, ketua balai boleh menggabungkan stesen kerja mengikut kapasiti keperluan balai masing-masing. PBB tidak dibenarkan melaksanakan pengurusan di stesen kerja secara *total* tanpa pengawasan PSM.

8.2.5.3 Contoh BBP yang mempunyai dua (2) keluaran atau lebih (mengikut penjajaran) – satu (1) keluaran *Fire Rescue Tender* dan 1 Keluaran *EMRS* + pili bomba + bilik kawalan.

Keluaran 1			Keluaran 2		
Bil	Norma	Nombor	Bil	Norma	Nombor
1	Bilik kawalan	1	Keluaran jentera 2		
Keluaran jentera 1			1	Pemandu	9
1	Pemandu	2	1	Peg. Operasi	10
6	Keanggotaan	3	2	keanggotaan	11
		4			12
		5	1	Pili Bomba	13
		6			
		7			
		8			

Stesen Kerja	Contoh 1			Contoh 2			Contoh 3			Contoh 4		
	Pasukan			Pasukan			Pasukan			Pasukan		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
A	1, 7	1, 7	1, 7	1, 6	1, 6	1, 6	1	1	1	1, 6	1, 6	1, 6
B	2, 8, 13	2, 8, 13	2, 8, 13	2, 7, 8, 13	2, 7, 8, 13	2, 7, 8, 13	2, 7, 13	2, 7, 13	2, 7, 13	2, 7, 8, 13	2, 7, 8, 13	2, 7, 8, 13
C	3, 9	3, 9	3, 9	3, 9, 10	3, 9, 10	3, 9, 10	3, 8, 9, 10, 11	3, 8, 9, 10, 11	3, 8, 9, 10, 11	3, 9, 10	3, 9, 10	3, 9, 10
D	4, 10	4, 10	4, 10	4, 11	4, 11	4, 11	4, 12	4, 12	4, 12	4, 11	4, 11	4, 11
E	5, 11	5, 11	5, 11	5, 12	5, 12	5, 12	5	5	5	5, 12	5, 12	5, 12
F	6, 12	6, 12	6, 12	Tiada e-FEIS			6	6	6	Tiada e-FIES		

Penyelia dikecualikan di dalam penetapan nombor, di mana penyelia bertanggungjawab memantau dan memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Tugas Balai. Ketua Balai BOLEH menyusun penyelia untuk diserapkan ke dalam Stesen Kerja bagi BBP yang mempunyai bilangan penyelia yang ramai.

- *Nota:
1. Penugasan setiap nombor yang telah ditetapkan mengikut Stesen Kerja secara penggiliran adalah selama 2 minggu bagi satu-satu sesi.
 2. Pegawai ke-2 selepas pengisian penuh Stesen Kerja (no 7 dan seterusnya) boleh ditempatkan pada Stesen Kerja yang lebih diutamakan mengikut keperluan BBP masing-masing.
 3. Bagi pegawai yang bertugas di Bilik Kawalan Bomba pada pertukaran syif, dia akan bertugas di Stesen Kerja pegawai yang akan menggantikannya mengikut penggiliran.

8.2.6 PELAPORAN DAN DOKUMENTASI

Setiap BBP perlu mewujudkan fail/ *folder* dokumen rujukan di setiap Stesen Kerja bagi tujuan memudahkan sebarang rujukan/maklumat diperoleh. Salinan Prosedur Kualiti (PK) dan Prosedur Sokongan (PS), Prosedur Operasi Seragam (POS), Buku Manual Pengurusan, Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) dan lain-lain sumber rujukan yang berkaitan dengan skop tugas bagi stesen kerja perlu dimasukkan di dalam fail/ *folder* dan diletakkan di meja Stesen Kerja berkenaan melalui sistem pelaporan yang telah ditetapkan.

9. PEMANTAUAN, NAZIRAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Pelaksanaan STB melibatkan suatu transformasi yang besar kepada Jabatan dan khususnya BBP, banyak aktiviti yang dirancang memerlukan komitmen yang tinggi untuk dilaksanakan secara berterusan. semestinya terdapat kekangan, halangan dan rintangan diperingkat awal pelaksanaan apabila suatu perubahan yang baru telah mengganti 'keselesaian' yang telah menjadi amalan. Pemantauan dan naziran akan dilaksanakan secara dinamik sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali bagi mengukur keberkesanan di setiap balai.

Jawatankuasa naziran dibentuk bagi menjalankan aktiviti naziran secara berkala untuk mengukur dan menilai keberkesanan pelaksanaan STB. Naziran akan memberi fokus kepada proses pelaksanaan, komitmen anggota, kesan dan nilai tambah mengikut kriteria dan format seperti di **Lampiran 12**.

Pelaksanaan ini perlu dipantau oleh ketua balai manakala naziran akan dibuat oleh bahagian operasi negeri bagi menentukan keberkesanan pelaksanaannya dan memantau hasil dan kesan.

Pelaksanaan STB adalah bersifat dinamik dan terdedah kepada perubahan untuk penambahbaikan dan penghasilan yang maksimum. Dokumen ini juga perlu sentiasa melalui proses semakan semula bagi tujuan penambahbaikan. Perubahan dan penambahbaikan terhadap sistem ini tertakluk kepada perubahan Perlembagaan, Dasar, Akta dan arahan semasa yang berkuatkuasa.

10. RUJUKAN

- 1.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- 1.2 Kod Etika Pegawai Bomba
- 1.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
- 1.4 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003 [P.U.(A) 388/2003]
- 1.5 Arahan Tetap Ketua Pengarah Bil. 2 Tahun 2014 Tatasusila Pegawai Bomba Bantuan (PBB)
- 1.6 Prosedur Kualiti PK 01- Operasi Kebombaan
- 1.7 Majlis Keselamatan Negara (Arahan No. 20) – Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara
- 1.8 Manual Pengurusan Balai
- 1.9 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2017 – Penetapan Tempoh Giliran Bertugas bagi Pegawai Bomba di Bilik Kawalan Balai
- 1.10 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 - Sistem Perintah dan Kawalan Insiden Sistem Perintah dan Kawalan Insiden (ICS)
- 1.11 Prosedur Pertukaran Syif
- 1.12 Surat Edaran Minit Mesyuarat Pelaksanaan Dasar Penempatan Secara Pentadbiran (PSP)
- 1.13 POS 1.2 Pusat Pengurusan Operasi dan Pusat Gerakan Operasi Tahun 2011
- 1.14 POS 1.3 Pelaksanaan dan Penggunaan Aplikasi Sistem Pelaporan Insiden (SPI) 2014
- 1.15 Surat Edaran Minit Mesyuarat Pelaksanaan Dasar Penempatan Secara Pentadbiran (PSP)

ISI KANDUNGAN LAMPIRAN

BIL	TAJUK		HALAMAN
KANDUNGAN LAMPIRAN			
1.0	JADUAL SISTEM TUGASAN BALAI (STB)		
	1 (A)	JADUAL TUGASAN SEMENANJUNG	41
	1 (B)	JADUAL TUGASAN BORNEO	42
2.0	PEMERKASAAN BILIK KAWALAN BALAI		43 - 45
3.0	PEMERIKSAAN JENTERA DAN PERALATAN		46 - 48
4.0	SESI ILMU DAN KEPAKARAN (TEORI DAN PRAKTIKAL)/ PENGUNAAN PERALATAN/ KAWAD)		49 - 55
5.0	RANCANGAN PRA KEBAKARAN		56 - 67
6.0	PELAKSANAAN AKTIVITI <i>FIRE FIT HIGH PERFORMANCE TRAINING</i>		68 – 88
7.0	REKA BENTUK <i>SIGNAGE</i> STESEN KERJA		89
8.0	REKA BENTUK SKOP TUGASAN DAN SOP/ PERATURAN/ PROSES KERJA		90
9.0	BUKU PENYERAHAN TUGASAN BELUM SELESAI (<i>HANDOVER BOOK</i>)		91 - 93
10.0	JADUAL ANGGOTA BERTUGAS DAN NAMA ANGGOTA PADA STESEN KERJA		94 - 95
11.0	PENETAPAN NOMBOR GILIRAN KERJA BERDASARKAN KEPADA KEPERLUAN JENTERA DI BALAI MENGIKUT NORMA		
	11 (A)	BALAI KATEGORI A	96
	11 (B)	BALAI KATEGORI B	97
	11 (C)	BALAI KATEGORI C	98
	11 (D)	BALAI KATEGORI D	99
12.0	PROGRAM PEMANTAUAN DAN NAZIRAN		100 – 106
13.0	RUJUKAN		107

JADUAL SISTEM TUGASAN BALAI (STB) SEMENANJUNG

SISTEM TUGASAN BALAI SEMENANJUNG - 12 JAM																		
ELEMEN	Pengurusan Displin & Logistik			Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan / Pembangunan Persekitaran		Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kecergasan	Pembangunan Persekitaran & Pembangunan Kerohanian	Pengurusan Displin & Logistik			Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kerohanian & Pembangunan Kecergasan	Pembangunan Persekitaran
ISNIN SELASA	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan		Ceramah Kebombaan / Latih Amal	RUTIN	Pengurusan Operasi & Dokumentasi	RUTIN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Sesi Ilmu Teori / Amali Penyelamatan	RUTIN	Amali Perawatan Kecemasan / RTA	RUTIN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (On Job Training)				
SELASA RABU	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan		Kawad Operasi	RUTIN	Sesi Keselamatan Kebakaran & Perundangan	RUTIN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Sesi Ilmu Teori HAZMAT	RUTIN	Amali Pengurusan HAZMAT	RUTIN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
RABU KHAMIS	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan		Pra Rancang Kebakaran	PENTADIRAN	Pengurusan Operasi & Dokumentasi	PENTADIRAN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif & Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Sesi Ilmu Teori Amali Peralatan Kebombaan	Kawad Operasi	PENTADIRAN	Amali / Teori Penyelamatan Menggunakan Tali	PENTADIRAN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
KHAMIS JUMAAT	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan		Kawad Mahir	PENTADIRAN	Sesi Keselamatan Kebakaran & Keselamatan	PENTADIRAN	Fire Fit / Sukan	Solat Berjemaan & Tahlil	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Sesi Ilmu Pengurusan Kualiti	PENTADIRAN	Kawad Mahir	PENTADIRAN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
JUMAAT SABTU	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Kawad Kaki	Selenggara Bangunan dan Pembersihan Balai	PENTADIRAN	Rancangan Pra Kebakaran / Kajian Kawasan	PENTADIRAN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Sesi Ilmu Kejuruteraan	PENTADIRAN	Amali Kejuruteraan & Pengurusan Kenderaan	PENTADIRAN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
SABTU AHAD	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Selenggara Peralatan kebombaan	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi	PENTADIRAN	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi	PENTADIRAN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif & Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Pengurusan Insiden dan ICS	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air/ Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi	PENTADIRAN	Sesi Kreativiti & Inovasi	PENTADIRAN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
AHAD ISNIN	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Uji Peralatan Jentera & Pam	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Pasukan & Pemeriksaan Peralatan Kebombaan	Pengurusan Insiden dan ICS	Mesyuarat Pasukan		Sesi ICT		Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai	
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				
HARI	0800	0830	0900	1030	1300	1400	1630	1700	1830	2000	2030	2130	2330	0000	0200	0600	0700	
MASA	0830	0900	1030	1300	1400	1630	1700	1830	2000	2030	2130	2330	0000	0200	0600	0700	0800	
JENIS KAWAD DAN KATEGORI																		
BIL	JENIS KAWAD			KATEGORI														
1	Kawad Operasi			Kawad Hos / Kawad Suction dan Pam / Kawad Foam / Kawad Campuran / Kawad Stand Pipe / Kawad Tangga														
2	Kawad Mahir			Mengenal Peralatan Kebombaan / Tatacara Pemakaian B.A. / Ikatan Tali / Scuba / HAZMAT / Peralatan Menyelamat														
3	Kawad Kaki			Arahan dan Hukuman Kawad Kaki														
Nota :	1	Balai-balai yang mempunyai perjawatan Unit Pili Bomba, penyelenggaraan pili bomba perlu dilaksanakan mengikut jadual penyelenggaraan Pili Bomba Rujuk JBPM/PS/08																
	2	Balai-balai yang tiada perjawatan Unit Pili Bomba, Pemeriksaan Pili Bomba dilaksanakan berdasarkan jadual.																
	3	Jadual ini tertakluk kepada sebarang perubahan mengikut keadaan dan masa berdasarkan kelulusan Ketua Balai																

JADUAL SISTEM TUGASAN BALAI (STB) SABAH, SARAWAK DAN LABUAN

SISTEM TUGASAN BALAI SABAH, SARAWAK & LABUAN - 12 JAM																	
ELEMEN	Pengurusan Displin & Logistik			Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan / Pembangunan Persekitaran		Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kecergasan	Pembangunan Persekitaran & Pembangunan Kerohanian	Pengurusan Displin & Logistik		Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kemahiran & Pengetahuan		Pembangunan Kerohanian & Pembangunan Kecergasan	Pembangunan Persekitaran
ISNIN SELASA	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan		Ceramah Kebommbaan / Latih Amal	RUTIN PENTADBIRAN	Pengurusan Operasi & Dokumentasi	RUTIN PENTADBIRAN	Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Sesi Ilmu Teori / Amali Penyelamatan	RUTIN PENTADBIRAN	Amali Perawatan Kecemasan / RTA	RUTIN PENTADBIRAN	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (On Job Training)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (On Job Training)	
SELASA RABU	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan		Kawad Operasi		Sesi Keselamatan Kebakaran & Perundangan		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Sesi Ilmu Teori HAZMAT		Amali Pengurusan HAZMAT		Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
RABU KHAMIS	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan		Pra Rancang Kebakaran		Pengurusan Operasi & Dokumentasi		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif & Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Sesi Ilmu Teori Amali Peralatan Kebommbaan	Kawad Operasi		Amali / Teori Penyelamatan Menggunakan Tali		Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
KHAMIS JUMAAT	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan		Kawad Mahir		Sesi Keselamatan Kebakaran & Keselamatan		Fire Fit / Sukan	Solat Berjemaah & Tahlil	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Sesi Ilmu Pengurusan Kualiti		Kawad Mahir		Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
JUMAAT SABTU	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Kawad Kaki	Selenggara Bangunan dan Pembersihan Balai		Rancangan Pra Kebakaran / Kajian Kawasan		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Sesi Ilmu Kejuruteraan		Amali Kejuruteraan & Pengurusan Kenderaan		Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
SABTU AHAD	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Selenggara Peralatan kebommbaan	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Syif & Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Pengurusan Insiden dan ICS	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air/ Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi	Sesi Kreativiti & Inovasi	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai		
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
AHAD ISNIN	Pertukaran Syif	Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Uji Peralatan Jentera & Pam	Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Pengurusan Pili Bomba & Sumber air / Pembersihan Jentera & Peralatan Operasi		Fire Fit / Sukan	Kerohanian & Keceriaan Balai	Pertukaran Pasukan & Pemeriksaan Peralatan Kebommbaan	Pengurusan Insiden dan ICS	Mesyuarat Pasukan	Sesi ICT	Kerohanian & Physical Training (PT)	Aktiviti Kebersihan Balai		
		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)				Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)					Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)			Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)		Pengurusan & Pentadbiran Balai (Stesen Kerja)	
MASA	0800 0830	0830 0900	0900 1030	1030 1300	1300 1400	1400 1600	1600 1630	1630 1800	1800 2000	2000 2030	2030 2130	2130 2330	2330 0000	0000 0200	0200 0600	0600 0700	0700 0800

JENIS KAWAD DAN KATEGORI		
BIL	JENIS KAWAD	KATEGORI
1	Kawad Operasi	Kawad Hos / Kawad Suction dan Pam / Kawad Foam / Kawad Campuran / Kawad Stand Pipe / Kawad Tangga
2	Kawad Mahir	Mengenai Peralatan Kebommbaan / Tatacara Pemakaian B.A. / Ikatan Tali / Scuba / HAZMAT / Peralatan Menyelamat
3	Kawad Kaki	Arahan dan Hukuman Kawad Kaki
Nota :		
1	Balai-balai yang mempunyai perjawatan Unit Pili Bomba, penyelenggaraan pili bomba perlu dilaksanakan mengikut jadual penyelenggaraan Pili Bomba Rujuk JBPM/PS/08	
2	Balai-balai yang tiada perjawatan Unit Pili Bomba, Pemeriksaan Pili Bomba dilaksanakan berdasarkan jadual.	
3	Jadual ini tertakluk kepada sebarang perubahan mengikut keadaan dan masa berdasarkan kelulusan Ketua Balai	

PEMERKASAAN BILIK KAWALAN BALAI

Bilik Kawalan Balai merupakan nadi utama di balai bagi penerimaan dan penyampaian maklumat secara terancang dan tersusun bagi pelaksanaan tugas Bilik Kawalan. Berperanan besar dalam sistem komunikasi di antara PGO dan juga PKB di tempat insiden.

Petugas di Bilik Kawalan perlu mematuhi setiap peraturan dan prosedur yang ditetapkan di Bilik Kawalan yang sedang berkuatkuasa. Prosedur di Bilik Kawalan harus dirujuk pada **Manual Pengurusan Balai (Manual Pengurusan Bilik Kawalan)** dan Senarai Tugas Bilik Kawalan seperti berikut:

A. Tugas Semasa Insiden;

1. Menyelaras maklumat panggilan kecemasan antara PGO dan balai melalui sistem *Lite Computer Aided Dispatch (Lite CAD)* – MERS 999.
2. Menyelaras perhubungan komunikasi radio GIRN bagi semua kes kecemasan dan aktiviti – aktiviti balai.
3. Menggerakkan PKO ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan;
4. Menerima maklumat/ laporan kecemasan dan menyampaikan maklumat/ laporan sesuatu insiden besar/ bencana/ sensitif/ berkepentingan kepada PGO, Ketua Balai, dan Ketua Zon;
5. Mendapatkan laporan awal/semasa daripada Komander Operasi berhubung dengan situasi sesuatu insiden;
6. Maklumat-maklumat yang diterima perlu direkodkan ke dalam Buku Operasi Balai dan ruangan komen *Lite Computer Aided Dispatch (Lite CAD)*;
7. Mendaftarkan kes kecemasan yang berlaku di kawasan jagaan balai ke dalam sistem pelaporan insiden yang disediakan dalam tempoh 24 jam selepas insiden;
8. Memohon bantuan keanggotaan/ peralatan ke PGO sekiranya diperlukan;
9. Menasihatkan Ketua Balai dan Ketua Zon untuk hadir mengetuai insiden

besar/ bencana/ sensitif dan berkepentingan;

10. Menggerakkan PKO *EMRS* atas permintaan *MECC* setelah mendapat kebenaran dari PGO;
11. Memaklumkan Komander Operasi untuk membuka Pos Kawalan Bomba (PKB) di lokasi insiden kecemasan operasi besar/ bencana/ sensitif/ berkepentingan yang melebihi dua (2) jam dan menghantar maklumat ke PGO dari semasa ke semasa; dan
12. Memaklumkan Komander Operasi untuk mewujudkan Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI) di lokasi insiden kecemasan.

B. Tugas Semasa Tiada Insiden

1. Mengemaskini dan memaparkan direktori pegawai-pegawai kanan jabatan, agensi awam dan swasta yang berkaitan dengan insiden;
2. Mengemaskini pangkalan data mengenai pakar rujuk Jabatan, senarai logistik dan keanggotaan untuk insiden kecemasan;
3. Menyedia dan menyimpan bahan rujukan operasi yang berkuatkuasa bagi tujuan semakan dan rujukan semasa operasi seperti Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP), Perintah Tetap Operasi (PTO), Prosedur Operasi Seragam (POS), Buku Operasi Bomba, arahan-arahan Jabatan dan lain-lain bahan rujukan yang berkaitan seperti Rancangan Pra Insiden (RPI) premis-premis yang berisiko di kawasan jagaan balai;
4. Menyediakan dan menyimpan statistik berkaitan dengan tujuan perekodan.
5. Mengemaskini dan merekodkan senarai premis yang dikategorikan sebagai sasaran penting kerajaan; dan
6. Mempamerkan peta topografi daerah dan kawasan jagaan balai yang terkini.

C. Tugas Harian:

1. Mengawal selia perhubungan sistem telefon dan faks balai.
2. Memeriksa dan menguji semua peralatan komunikasi dan ICT serta

membuat laporan kerosakan jika ada untuk pembaikan;

3. Membuat serah tugas serta memberi taklimat terhadap perkara yang telah, sedang berlaku dan yang perlu diselesaikan kepada syif yang menerima tugas;
4. Merekod aktiviti dan pergerakan anggota dan pegawai dalam buku catatan harian;
5. Menghantar laporan harian kepada PGO dan Ketua Balai serta seterusnya membuat penilaian kekuatan keanggotaan dan logistik;
6. Memantau dan membuat penilaian cuaca semasa melalui *website* Jabatan/Agensi sahabat seperti Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia);
7. Mengenalpasti dan memantau lokasi-lokasi berisiko seperti hotspot banjir dan kebakaran terbuka melalui *Fire Danger Rating System* (FDRS) dari MetMalaysia, *Forest Fire Information System* (FORFIS) dari Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan lain-lain *website* yang membantu dalam mencerap data berkaitan lokasi-lokasi berisiko di bawah jagaan balai;
8. Mengawal selia rekod, laporan – laporan, analisis statistik dan lain – lain aplikasi ICT seperti SPI, SPKA, e-SPPK dan sebagainya bersama – sama penyelia pasukan dan Ketua Balai.
9. Merekod setiap aktiviti di balai di dalam **Buku Operasi Bomba**; dan
10. Memastikan kebersihan, kekemasan dan keselamatan Bilik Kawalan Balai.

PEMERIKSAAN JENTERA DAN PERALATAN

Pemeriksaan jentera dan kelengkapan operasi dikhususkan pelaksanaannya pada awal pertukaran syif oleh pasukan yang masuk bertugas bagi memastikan kesiapsiagaan jabatan pada tahap yang terbaik. Setiap petugas berpeluang memeriksa dan menguji semua kelengkapan (termasuk PPE peribadi) serta status kefungsiannya bagi kegunaan semasa insiden. Aktiviti ini juga melibatkan pemeriksaan berkala dan penyelenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) termasuklah keperluan kalibrasi bagi peralatan tertentu.

Aktiviti ini adalah selaras dengan keperluan tatacara kerja dari Bahagian Kejuruteraan Jentera serta disilang rujuk dengan Sistem Pengurusan Aset Kerajaan (SPA).

Prosedur bagi melakukan pemeriksaan adalah seperti berikut:

- 1) Pemeriksaan jentera dan peralatan
- 2) Pengujian jentera dan peralatan
- 3) Pelaporan kerosakan jentera dan peralatan
- 4) Semakan pelaporan/ penyelenggaraan jentera dan peralatan

Rujuk juga **Manual Pengurusan Balai – Bab C (Kekemasan Jentera dan Peralatan)** dan arahan semasa yang berkuatkuasa.


PEMERIKSAAN UJIAN PERJALANAN JENTERA DAN PAM

- A. Ujian perjalanan jentera dan pam dilaksanakan pada hari Ahad (mengikut kesesuaian negeri) dengan tempoh masa 1 jam 30 minit.
- B. Semua anggota pasukan perlu terlibat dalam aktiviti ini dan pemandu (ETKP) akan bertindak sebagai ketua.
- C. Pengujian pam jentera dan pam angkut perlu melibatkan pengeluaran air dan dilakukan untuk tempoh masa yang bersesuaian untuk mengukur kefungsiannya pada tahap yang terbaik.
- D. Sesi ini perlu dimanfaatkan untuk semua pegawai untuk mempelajari sistem pam @ hidraulik dan juga jentera serta pengurusan sumber air (media pemadaman) secara teori dan praktikal.
- E. Contoh kaedah pelaksanaan ujian perjalanan jentera dan kefungsiannya pam:
 - i) Bahagikan masa selama 1 jam 30 minit kepada beberapa sesi contohnya:
 - a. Tiga puluh (30) minit pertama adalah untuk penerangan tentang pam di buat oleh pemandu;
 - b. Tiga puluh (30) minit seterusnya adalah pelaksanaan ujian pam dengan memberi peluang kepada semua anggota untuk mengendalikan pam; dan
 - c. Tiga puluh (30) minit seterusnya membuat ujian perjalanan jentera.
 - ii) Bagi ujian perjalanan jentera semua pemandu mesti membuat ujian yang sempurna kepada jentera dengan memastikan ianya

sedia digunakan untuk menghadiri operasi. Berkongsi ilmu pemanduan berhemah kepada anggota operasi secara teori apa yang patut diamalkan semasa memandu di jalan raya.

- iii) Bagi ujian pam pula pemandu membuat sesi pembelajaran dengan memberi peluang kepada semua pegawai operasi mengendalikan pam bagi tujuan menambah ilmu pengetahuan serta persediaan sebelum menghadiri kes kebakaran. Ini adalah langkah untuk menjadikan semua pegawai di balai menjadi seorang pegawai bomba yang kompeten.
- iv) Pelaksanaan aktiviti ini dengan efisien akan mencegah kerosakan pam dan jentera serta meningkatkan kadar *serviceability* jentera jabatan.

**SESI ILMU, LATIHAN, KAWAD DAN PELBAGAI AKTIVITI DALAM STB ADALAH TINDAKAN
SEBELUM INSIDEN BAGI MEMPERSIAPKAN DIRI DAN PASUKAN MENGHADAPI INSIDEN YANG
DI LUAR JANGKAAN**




Ilmu yang diperolehi secara teori dari perbincangan secara '*indoor*' hendaklah dipraktikkan semasa amali di lapangan dalam bentuk kawad operasi. Pelaksanaan ini penting melibatkan penggunaan semua peralatan yang berkaitan dilakukan secara berpasukan dan sistematik. Ulangan latihan fizikal ini akan menambahkan kecekapan pegawai dan meningkatkan kecemerlangan semasa operasi.

49 | SISTEM TUGASAN BALAI

dan sistematik, pengurusan insiden/ bencana melibatkan fasa sebelum, semasa dan selepas, atau boleh digambarkan dalam bentuk cycle seperti di gambar rajah *Incident Management Cycle* (IMC) di bawah. IMC ini melibatkan empat (4) fasa kitaran iaitu 2P (*Preparedness & Planning*) dan 2R (*Response & Recovery*).

Fasa *Response* adalah fasa yang paling kritikal, di mana pasukan penyelamat perlu bertindak cepat dengan kecekapan yang tinggi dalam suasana yang berisiko dan di luar dari jangkaan pemikiran biasa.

Bagi mencapai kejayaan dalam Fasa *Response*, pegawai memerlukan persiapan dan kesiapsiagaan dalam Fasa 2P (*Preparedness & Planning*). Dalam konteks JBPM, fasa 2P adalah masa yang digunakan untuk kesiapsiagaan yang sistematik yang disimpulkan sebagai STB.



Gambar Rajah 2: Hubungan STB dan Pengurusan Insiden dalam *Incident Management Cycle* (IMC) Melibatkan Empat (4) Fasa Kitaran

STB yang merupakan pengisian kepada Fasa 2P telah mengkhususkan suatu ruang untuk sesi ilmu yang perlu dimanfaatkan untuk meningkatkan ilmu, kemahiran, keupayaan fizikal, mental, kelengkapan logistik dan lain-lain sumber bagi menghadapi Fasa *Response*. Gambar rajah di bawah adalah ringkasan aktiviti untuk pengisian sesi ilmu dalam STB.



Gambar Rajah 3: Pengisian Sesi Ilmu Melalui *Circle of 9* Dalam STB

Dengan berpanduan keperluan kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi sebarang bencana / kebakaran di Premis, maka sesi ilmu dalam STB dicadangkan untuk dimanfaatkan dengan mengadakan perbincangan secara '*hands - on*' mengenai topik dan isu seperti dalam jadual.

Senarai tajuk/ topik/ latihan bagi sesi ilmu yang disyorkan tidak terhad untuk sebarang pembelajaran sebelum menghadapi kecemasan tetapi bergantung kepada *Learning Need Analysis* (LNA) yang difikirkan terbaik oleh

Ketua Balai berdasarkan fleksibiliti silibus dan topik pembelajaran yang berasaskan keperluan latihan (*response*) kepada kawasan setempat.

BIL	CONTOH SENARAI TAJUK/ TOPIK LATIHAN SESI ILMU UNTUK PREMIS
	TEORI
1	<i>Response Time</i>
2	<i>Fire Science & Fire Behavior</i>
3	<i>Fire Growth Curve</i>
4	Pili Bomba Dan Pengurusan Sumber Air
5	Medium Pemadaman
6	<i>Accesibility & Force Entry</i>
7	Kuasa Pegawai Bomba Berdasarkan Akta
8	<i>Hydraulic Dan Kadar Alir Air</i>
9	Pam Dan Jentera
10	Reka Bentuk Bangunan
11	<i>Building Material</i>
12	Sistem Perlindungan Pasif
13	Sistem Perlindungan Aktif
14	<i>Strategi Operasi RECEO – VS</i>
15	<i>Mode Of Attack (Defensive / Offensive)</i>
16	<i>Radio Communication</i>
17	<i>Size-Up, Risk & Hazard Analysis</i>
18	<i>Incident Command System</i>
19	<i>First Responder Life Support</i>
20	Dan Sebagainya

Manakala bagi pelaksanaan kawad operasi dan kawad mahir juga masih berpandukan kepada Senario Kecemasan / Kebakaran di Premis:

BIL	CONTOH JENIS KAWAD OPERASI DAN KAWAD MAHIR UNTUK PREMIS
	AMALI
1	Kawad Operasi Buih
2	Kawad Operasi Tangga
3	Kawad Bersama/ Kombinasi
4	Kawad Operasi ____ A/ B
5	Latihan Penggunaan Peralatan Khas Penyelamatan
6	Latihan Penggunaan Peralatan Khas Pemadaman
7	Latihan Praktikal FRLS
8	Dan sebagainya

Jadual latihan yang dilaksanakan di balai perlu merujuk kepada jadual tugas STB serta berdasarkan keperluan di balai. Perancangan sesi ilmu/ topik/ latihan yang jelas berdasarkan keperluan kawasan setempat. **Perancangan sebulan sebelum untuk pelaksanaan tersebut perlu disemak oleh Penyelia Pasukan dan disahkan oleh Ketua Balai.**

Berdasarkan kepada keperluan melaksanakan aktiviti sesi ilmu, maka penjadualan latihan balai mengikut syif dan topik pembelajaran perlu disediakan seperti contoh di bawah:

CONTOH JADUAL LATIHAN **PASUKAN A** BAGI BULAN JULAI 2024

Tarikh/ Hari	Topik	Masa /tempoh	Method latihan	Fasilitator	Kehadiran (100% @ bilangan)	Pengesahan Pelaksanaan
1/7/2020 (Rabu)						
2/7/2020 (Khamis)	Pengurusan Insiden & ICS	2030-2130 (1 jam)				
3/7/2020 (Jumaat)						
4/7/2020 (Sabtu)	Keselamatan Kebakaran dan Perundangan	1400-1630 (2.5 jam)				
5/7/2020 (Ahad)	Teori/ Amali Peralatan kebommbaan	2130-2230 (1 jam)				
	Teori/ Amali Penyelamatan Menggunakan Tali	2330- 0200 (2.5 jam)				
6/7/2020 (Isnin)						
7/7/2020 (Selasa)						
8/7/2020 (Rabu)	Pengurusan Insiden & ICS	2030-2130 (1 jam)				
9/7/2020 (Khamis)						
10/7/2020 (Jumaat)	Ceramah Kebommbaan/ Latih Amal	1400-1630 (1 jam)				
11/7/2020 (Sabtu)	Sesi Teori HAZMAT	2130-2230 (1 jam)				
	Amali/ Pengurusan HAZMAT	2330-0200 (2.5 jam)				
12/7/2020 (Ahad)						
13/7/2017 (Isnin)	Keselamatan kebakaran & Perundangan	1400-1630 (2.5jam)				
14/7/2020 (Selasa)	Sesi Ilmu Kejuruteraan	2130-2230 (1jam)				
	Amali Kejuruteraan dan Pengurusan Kenderaan	2330-0200 (2.5jam)				
15/7/2020 (Rabu)						
16/7/2020 (Khamis)						

17/7/2020 (Jumaat)	Teori/ Amali Penyelamatan	2130-2230 (1jam)				
	Amali Perawatan Kecemasan RTA	2330-0200 (2.5jam)				
18/7/2020 (Sabtu)						
19/7/2020 (Ahad)	Pengurusan Operasi dan Dokumen	1400-1630 (2.5 jam)				
20/7/2020 (Isnin)	Kawad Mahir	2330-0200 (2.5 jam)				
21/7/2020 (Selasa)						
22/7/2020 (Rabu)						
23/7/2020 (Khamis)	Pengurusan Insiden & ICS	2030-2130 (1 jam)				
24/7/2020 (Jumaat)						
25/7/2020 (Sabtu)	Keselamatan kebakaran & Perundangan	1400-1630 (2.5jam)				
26/7/2020 (Ahad)	Teori/ amali Peralatan kebombaan	2130-2230 (1 jam)				
	Teori/ Amali Penyelamatan Menggunakan Tali	2330- 0200 (2.5 jam)				
27/7/2020 (Isnin)						
28/7/2020 (Selasa)						
29/7/2020 (Rabu)	Pengurusan Insiden & ICS	2030-2130 (1 jam)				
30/7/2020 (Khamis)						
31/7/2020 (Jumaat)	Ceramah Kebombaan/ Latih Amal	1400-1630 (1 jam)				

***Ketua Balai hendaklah menyemak dahulu jadual sesi ilmu/ topik/ latihan antara pasukan setiap bulan sebelum pelaksanaan di bulan berikutnya serta membuat pengesahan dan perlu mengikut keutamaan persediaan semasa menghadapi insiden atau bencana.**

Disemak Oleh,

-ruang tandatangan-

Penyelia Pasukan

Disahkan Oleh,

-ruang tandatangan-

Ketua Balai BBP

RANCANGAN PRA INSIDEN KEBAKARAN

- A. Aktiviti ini masih mengguna pakai borang Arahan Tetap Operasi Bil.1/2011.
- B. Arahan pelaksanaan Rancangan Pra-Insiden Kebakaran dan aktiviti yang berkaitan telah dikeluarkan oleh Jabatan. Antara arahan adalah seperti berikut :
 - 1.1 Perintah tetap No. 5/80 : Persediaan Melawan Kebakaran Bagi Bangunan Tinggi yang dikeluarkan pada 08 Disember 1980;
 - 1.2 Surat Pekeliling Ketua Pengarah berkaitan Arahan Melawat Bangunan Tinggi Bagi Tujuan Mencegah dan Memudahkan Operasi Bomba yang dikeluarkan pada 17 Januari 1984;
 - 1.3 Surat Arahan Melawat/Memeriksa Bangunan-Bangunan Tinggi sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali yang mana merujuk kepada keperluan pemeriksaan bangunan untuk sokongan FC;
 - 1.4 Perintah Tetap Bil. 1/1991 : Melawat dan Mengkaji Kedudukan Bahaya Kebakaran di Pekan-Pekan Khusus Yang Jauh Daripada Balai Bomba yang dikeluarkan pada 28 Jun 1991;
 - 1.5 Garis Panduan Pelan Kontigensi Foam (PEKOFO) yang dikeluarkan pada 12 Julai 1993.
- C. Tujuan dan objektif asal aktiviti Rancangan Pra-Insiden kebakaran dilaksanakan adalah bagi membolehkan anggota bomba / kakitangan sesebuah agensi membuat persediaan bagi tindakan-tindakan yang perlu dijalankan semasa menghadapi sesuatu kebakaran dengan cekap dan berkesan. Secara khususnya, tujuan adalah bagi :
 - a. Menentukan tahap risiko kebakaran yang wujud;
 - b. Menentukan kesesuaian sistem perlindungan kebakaran yang diperlukan atau keberkesanan sistem pemasangan keselamatan kebakaran yang ada;
 - c. Menentukan kaedah-kaedah penyelamatan diri penghuni yang

diperlukan;

- d. Menentukan kegunaan jentera bomba dan peralatan kebombaanan yang diperlukan jika berlaku kecemasan atau kebakaran;
- e. Menjalankan latihan serta digunakan untuk perbincangan semasa ke tempat operasi (di dalam jentera);
- f. Menentukan bentuk, teknik-teknik pemadaman kebakaran jika berlaku;
- g. Menentukan kekuatan tenaga anggota dan kemudahan bekalan air;
- h. Menentukan jalan-jalan masuk dan penempatan jentera-jentera bomba bomba yang terlibat dengan lebih terancang;
- i. Bagi mengkoordinasikan semua peranan dan tindakan di kalangan pasukan penyelamat/ pemadam dan dengan agensi lain termasuk agensi bantuan.

E. Pelaksanaan Rancangan Pra-Insiden Kebakaran

Peringkat pelaksanaan aktiviti pra-rancang kebakaran terbahagi kepada empat (4) peringkat seperti berikut:

a. Pengumpulan Maklumat

Peringkat Pengumpulan maklumat adalah peringkat awal sesuatu premis yang dikenalpasti untuk pelaksanaan aktiviti Rancangan Pra-Insiden Kebakaran. Antara maklumat yang diperlukan adalah:

- i. **Maklumat Umum Premis** seperti nama premis, pemilik premis, alamat premis, pegawai yang menjaga, jurutera, juruteknik, *chargeman*, syarikat lif, gambar sebenar bangunan dan lain-lain mengenai bangunan;

- ii. **Keadaan Premis** seperti jenis bangunan, kategori bangunan, ketinggian,kegunaan struktur dan sebagainya;
- iii. **Laluan Utama dan Alternatif** iaitu lokasi kedudukan bangunan, jalan, lorong paling dekat serta selamat, boleh dilalui setiap masa dan perlu dilakarkan tunjuk arah ke lokasi premis dengan jelas.
- iv. **Halangan** yang wujud untuk ke lokasi iaitu faktor keadaan trafik, lalulintas ke bangunan berkenaan, plaza tol, lampu isyarat, jambatan, jejantas, terowong, lebuh raya, landasan kereta api, penempatan jentera dan kemudahan lain;
- v. **Risiko Kemerbahayaan** seperti penggunaan premis, bahaya-bahaya langsung atau tidak termasuk bahan yang di simpan di setiap tingkat/ bahagian dan tahap kemerbahayaan, penghuni, masa dihuni dan lain-lain;
- vi. **Risiko Kebakaran** seperti kawasan / tingkat yang mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk terbakar, punca dan sebab yang boleh menyebabkan kebakaran;
- vii. **Risiko Khas** seperti penstoran bahan kimia, cara penyimpanan, sistem perpaipan, kedudukan, kuantiti, langkah pencegahan dan lain-lain maklumat yang relevan;
- viii. **Akses** iaitu akses ke premis, pintu pagar, halangan trafik, pintu dikunci, masalah hak milik, halangan dari atas, anjing, tangga, lobi dan koridor;
- ix. **Peralatan Kebombaan** seperti peralatan sedia ada di dalam dan luar bangunan iaitu sistem aktif dan pasif iaitu;

- x. **Sumber Bekalan Air** seperti tangki air, kolam, tasik, sungai dan sebagainya yang terdekat termasuk pil bomba dalam jarak 91.5-meter daripada bangunan dicatatkan;
- xi. **Perancangan Sebelum Kebakaran** iaitu pelan/ perancangan pengungsian, pemadaman yang diadakan di premis tersebut, pasukan ERT dan sebagainya;
- xii. **Butir-butir Bangunan Lain** yang berhampiran dan jenis kemerbahayaan yang wujud pada bangunan bersebelahan;
- xiii. **Pengeluaran Jentera** iaitu jenis jentera, bilangan, balai, keanggotaan, keperluan jentera dan peralatan bantuan lain;
- xiv. **Tatacara/ Tindakan Operasi** iaitu tindakan pasukan bomba apabila sampai ke lokasi serta peranan agensi bantuan yang lain dalam melaksanakan operasi;
- xv. **Perhubungan** iaitu nama dan nombor talian balai bomba terdekat, agensi bantuan, jurutera, pegawai yang perlu dihubungi; dan
- xvi. **Pelan Bangunan/ Pelan Architecture** yang menunjukkan jalan, bahan binaan, tingkat, lokasi tangga, tingkap, pintu keluar, alat pemasangan tetap, injap pancur basah/kering, *hose reel*, bekalan air ke bangunan, alat pemadam api dan lain-lain kemudahan untuk menentang kebakaran.

b. Analisis Maklumat

Analisis ke atas data dan maklumat yang didapati dari proses pengumpulan maklumat di atas dengan mengambil kira semua aspek. Analisa ini akan menentukan tatacara tindakan operasi pasukan bomba semasa menangani kejadian kebakaran di premis yang dianalisa. Analisa dilakukan bertujuan bagi:

- i. Mengurangkan kemerebakan dan kaedah menyekat kemerebakan haba, asap, dan kebakaran;
- ii. Penyediaan rangka satu Rancangan Pra Insiden Kebakaran sebelum diuji dan diguna pakai; dan
- iii. Penyediaan rancangan dalam bentuk buku dan kad gerakan operasi yang akan menjadi rujukan semasa kejadian sebenar berlaku.

Analisis hendaklah memberi keutamaan bangunan yang perlu diselidik, dikaji dan dibuat rancangan pra kebakaran yang mana telah dijadualkan. Pihak pengurusan premis perlu dimaklumkan tentang tujuan dan objektif aktiviti supaya mendapat kebenaran dan kerjasama pihak pengurusan premis.

Pegawai bertanggungjawab yang menjalankan penyelidikan atau tinjauan perlu merekodkan semua data-data di dalam buku Rancangan Pra Insiden. Sebarang pembetulan dan perubahan hendaklah di buat dengan cepat dalam Buku Rancangan Pra Insiden bagi menyesuaikan satu gerakan operasi jika ada apa-apa perubahan dari segi struktur dan kegunaan bangunan berkenaan.

c. Penyebaran Maklumat

Maklumat dan format perlu disebarikan kepada semua pegawai/kakitangan supaya semua tindakan operasi dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain dari itu, pemahaman yang mendalam juga perlu untuk latihan pembiasaan dan penilaian aktiviti.

d. Penempatan Buku Rancangan Pra Insiden

Buku Rancangan Pra Insiden yang telah lengkap hendaklah ditempatkan di Bilik Kawalan, PGO dan di dalam jentera bomba.

e. Pelaksanaan Kawad Mahir Rancangan Pra Insiden

Setiap Rancangan Pra Insiden hendaklah diuji cuba bagi menentukan keberkesanan Rancangan Pra Insiden Kebakaran yang dirancang. Beberapa perkara perlu dilakukan termasuk:

- i. Membuat latihan penyelamatan pengawalan kemerebakan kebakaran dan pemadaman kebakaran hasil daripada kajian dan pelan tindakan yang disediakan; dan
- ii. Membuat *post-mortem* latihan yang dilakukan untuk mengenalpasti kelemahan dan membuat penambahbaikan.

Penutup

Rancangan Pra Insiden penting kepada Ketua Operasi bagi menyusun dan merancang gerak kerja operasi, supaya setiap insiden di sesuatu premis dapat ditangani dengan cepat dan berkesan. Maklumat yang terdapat di dalam Rancangan Pra Insiden juga dapat membantu Ketua Operasi dalam mengenalpasti bentuk bantuan yang diperlukan sekiranya insiden menjadi bertambah buruk.



RANCANGAN PRA INSIDEN KEBAKARAN

JBPM NEGERI:.....

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT:.....

A. MAKLUMAT PREMIS

1. Nama Premis / Syarikat :
2. Alamat Premis :
3. Nama Pemilik :
4. No Tel: No. Fax:
5. Pegawai boleh dihubungi semasa kecemasan
 - 5.1 Nama Pegawai :
 - 5.2 No Telefon:
6. Tarikh Premis Dibina :
7. Tarikh Terima Sijil Layak Menduduki :
8. Tarikh Terima Perakuan Bomba :
9. Jenis Binaan Premis :
10. Kegunaan Premis :
11. Keluasan Kawasan : meter persegi / meter padu
12. Jumlah Blok Bangunan :
13. Bilangan Tingkat :
14. Ketinggian Bangunan : meter

- g *Smoke Control System*
- h Sistem Siaraya
- i Telefon Bomba
- j Lif Bomba
- k Alat Pengesan Asap
- l Alat Pengesan Haba
- m CMS
- Lain-Lain :
- n (Senaraikan)

D. BAHAN-BAHAN BERBAHAYA Contoh: *Chlorine, Ammonia*

Jenis Bahan	UN No.	Kuantiti	Lokasi Simpanan	Kegunaan

*Sertakan Salinan MSDS

E. Jenis Peralatan Perlindungan / Keselamatan Yang Ada (PPE)

Contoh: *Chemical Suit* / Alat Pernafasan

Jenis Alat	Bilangan Unit	Lokasi

F. PENSTORAN AIR

Contoh: Kolam, Tangki Air selain dari tangki sistem kebompaan

Kuantiti	Lokasi

Bekalan diterima dari:

G. BEKALAN AIR TERBUKA

Contoh: Tasik/ Sungai

Jenis Bekalan Air	Lokasi	Jarak Dari Premis

H. PENGAWAL KESELAMATAN

Sendiri ☐ Nama Pegawai Bertanggungjawab

Swasta ☐ Nama Pegawai Bertanggungjawab

Jawatan

I. MAKLUMAT TEMPAT BERKUMPUL

1) Pusat Tempat Berkumpul ☐ ADA ☐ TIADA

2) Tempat Berkumpul Pusat (Main Assembly Point)

3) Lokasi Tempat Berkumpul

Zon A:

Keluasan Kawasan: meter persegi

Kemampuan Menampung Peserta: orang

Zon B:

Keluasan Kawasan: meter persegi

Kemampuan Menampung Peserta: orang

Zon C:

Keluasan Kawasan: meter persegi

Kemampuan Menampung Peserta: orang

Zon D:

Keluasan Kawasan: meter persegi

Kemampuan Menampung Peserta: orang

Zon E:

Keluasan Kawasan:

meter persegi

Kemampuan Menampung Peserta:

orang

J. BANGUNAN / PREMIS BERHAMPIRAN

1) Premis di bahagian hadapan:

Kegunaan Premis:

Masa Kerja:

No Telefon:

Pegawai Boleh Dihubungi:

Bilangan Pekerja:

No. Fax:

2) Premis di bahagian kiri:

Kegunaan Premis:

Masa Kerja:

No Telefon:

Pegawai Boleh Dihubungi:

Bilangan Pekerja:

No. Fax:

3) Premis di bahagian kanan:

Kegunaan Premis:

Masa Kerja:

No Telefon:

Pegawai Boleh Dihubungi:

Bilangan Pekerja:

No. Fax:

4) Premis di bahagian belakang:

Kegunaan Premis:

Masa Kerja:

No Telefon:

Pegawai Boleh Dihubungi:

Bilangan Pekerja:

No. Fax:

K. MAKLUMAT TAMBAHAN

(Contoh: Sejarah Premis: Pernah Terbakar pada 1980 yang meragu 2 nyawa/ lain – lain maklumat yang berkaitan premis)

L. TINDAKAN OPERASI KEBOMBAAN

i. Keluaran Jentera:

Bil	Bilangan Jentera	Keanggotaan

ii. Jentera Bantuan:

Bil	Balai/ Bilangan Jentera	Jarak	Keanggotaan

iii. Lain – lain Agensi Terlibat:

Bil	Balai/ Bilangan Jentera	Jarak	Keanggotaan

M. BAHAYA HAMPIR (*HAZARD*) YANG WUJUD DI PREMIS

(Contoh: Runtuhan Dinding dan siling, letupan, pelepasan bahan kimia berbahaya (wasap) dan lain – lain)

N. GERAK KERJA OPERASI

NOTA:

Sertakan dokumen – dokumen berikut:

1. Lakaran pelan tapak/ kawasan;
2. Lakaran pelan tapak bangunan;
3. Pelan lakaran penempatan bahan berbahaya;
4. Pelan lakaran jalan keluar keselamatan semasa kecemasan;
5. Pelan lakaran kedudukan sistem pemasangan keselamatan kebakaran;
6. Pelan lakaran penempatan jentera bomba semasa operasi (akan dilakarkan oleh bomba); dan
7. Gambar – gambar yang berkaitan.

PROGRAM PEMBANGUNAN KECERGASAN TAKTIKAL KEBOMBAAN (FIRE FIT HIGH PERFORMANCE TRAINING)

Tugasan sebagai anggota pemadaman dan penyelamatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah merupakan tugas yang berisiko tinggi dan memerlukan kebolehan prestasi fizikal yang sangat baik dan tinggi. Ianya bertujuan untuk memastikan setiap tugas dapat dilaksanakan dengan baik dan selamat.

Merujuk kepada saranan yang dibuat oleh NFPA (*National Fire Protection Association*) dan beberapa kajian lepas yang dibuat berkaitan prestasi fizikal dalam tugas kebombaam dan penyelamatan, keupayaan fizikal manusia dalam lakuan taktikal kebombaam perlu melalui satu proses penyesuaian fizikal yang sistematik di mana kecergasan perlu dibina dan ditingkatkan secara progresif dan berfasa.

Suaian Fizikal Taktikal Kebombaam adalah merupakan suatu proses penyesuaian tubuh badan dengan kaedah latihan yang berasaskan saintifik untuk memenuhi keperluan tugas dalam melaksanakan tugas taktikal kebombaam. Proses ini perlu dilaksanakan secara teratur dan berfasa dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip latihan dan pembolehubah latihan yang bertepatan dan bersesuaian dengan keperluan serta objektif latihan.

Konsep latihan kecergasan berprestasi tinggi ini diamalkan dengan menerapkan konsep saintifik berkaitan prestasi kecergasan tubuh badan manusia dan serta dikendalikan oleh kepakaran kejurulatihan dalam ilmu suaian fizikal. Ianya bertujuan untuk mencapai objektif latihan iaitu meningkatkan prestasi kecergasan dan mengurangkan risiko kecederaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kebombaam dan penyelamatan sentiasa berada pada tahap yang kompeten.

TUJUAN PENYEDIAAN PROGRAM

Program ini disediakan sebagai panduan kepada Jurulatih Kecergasan Bertauliah yang dilantik di peringkat Balai, ABPM, Pangkalan Udara dan Unit

Pengesan untuk merangka dan merancang pelaksanaan latihan kecergasan taktikal kebombaan.

OBJEKTIF LATIHAN BERPRESTASI TINGGI

Konsep latihan berprestasi tinggi yang diamalkan adalah melaksanakan program yang sistematik untuk mencapai objektif seperti berikut:

- Meningkatkan tahap kecergasan taktikal kebombaan, dan
- Mengurangkan risiko kecederaan dalam latihan dan tugas taktikal operasi kebombaan.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

1) Aktiviti Fizikal

- Aktiviti fizikal bermaksud semua jenis pergerakan anggota tubuh badan yang menggunakan tenaga,
- Aktiviti Fizikal seharian biasanya dikaitkan dengan aktiviti seperti berjalan ke pasar, mengemas rumah, berkebun dan lain-lain.

2) Senaman

- Senaman adalah merujuk kepada pergerakan fizikal yang terancang dan sistematik yang bertujuan untuk meningkatkan dan mengekalkan satu atau lebih komponen kecergasan fizikal,
- Sebagai contoh adalah tekan tubi, berlari dan lain - lain.

3) Latihan Fizikal

- Latihan fizikal adalah merupakan satu proses senaman yang dilakukan secara berulang-ulang dan beransur maju di mana ianya melibatkan proses pembelajaran dan penyesuaian diri.

4) Suaian Fizikal

- Adalah merujuk kepada proses pembangunan dan penyesuaian fizikal melalui kaedah latihan yang sistematik dan berteraskan saintifik bagi tujuan meningkatkan prestasi dan risiko kecederaan.

SUAIAN FIZIKAL TAKTIKAL KEBOMBAAN

Adalah merujuk kepada proses pembangunan dan penyesuaian fizikal anggota bomba melalui kaedah latihan yang sistematik dan berteraskan saintifik bagi tujuan meningkatkan prestasi dan mengurangkan risiko kecederaan dalam pelaksanaan tugas taktikal kebombaan.

KONSEP LATIHAN BERPRESTASI TINGGI

Apakah konsep latihan berprestasi tinggi? Untuk mencapai objektif latihan kecergasan berprestasi tinggi, konsep latihan yang diamalkan perlu merangkumi perkara seperti berikut:

1) Kepakaran Kejurulatihan


- Jurulatih yang mempunyai kepakaran dalam asas saintifik prestasi tubuh badan dan ilmu suaian fizikal.

2) Program Latihan

- Program latihan yang sistematik dan berasaskan konsep penyesuaian fizikal yang progresif.


3) Kaedah Pemantauan

- Kaedah penilaian yang khusus mengikut program latihan yang dirancang dan pemantauan yang berterusan.



Gambar rajah: Konsep Latihan Berprestasi Tinggi

CARTA ALIR PROSES LATIHAN BERPRESTASI TINGGI



Gambarajah: Carta Alir Proses Latihan Berprestasi Tinggi Mengikut Fasa

KEPAKARAN KEJURULATIHAN

a) Pengendali Sesi Latihan

Penyelia Pasukan Gred KB22 adalah diarahkan untuk mengendalikan program latihan di peringkat balai. Ianya adalah bertepatan dengan punca kuasa untuk mengarahkan pegawai dibawah seliaan ketika bertugas.

Penyelia pasukan akan diberikan kursus kepakaran dalam bidang kejurulatihan iaitu Kursus Jurulatih Kecergasan Bertauliah (JKB) dimana penekanan di dalam kursus tersebut akan memberi pendedahan kepakaran kejurulatihan seperti berikut:

- i. Kod etika kejurulatihan
- ii. Asas saintifik dalam kejurulatihan
- iii. Kemahiran dan kepakaran suaian fizikal

b) Fungsi dan peranan Penyelia Pasukan dalam sesi latihan

- i. Merancang program latihan yang bersesuaian
- ii. Mengendalikan sesi latihan mengikut masa yang diperuntukan.
- iii. Menyediakan pelaporan rekod pemantauan sesi latihan

c) Kriteria yang perlu dipenuhi oleh Penyelia Pasukan untuk dilatih sebagai Jurulatih Kecergasan Bertauliah

- i. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami sebarang kecederaan otot rangka.
- ii. Berjaya menamatkan Kursus Asas Jurulatih Kecergasan Bertauliah (JKB).

PROGRAM LATIHAN

Pengenalan

Jika dilihat pada definisi, aktiviti fizikal merupakan pergerakan yang dilakukan oleh individu, namun kecergasan fizikal pula merupakan satu set karakter atau komponen yang telah dimiliki oleh seseorang individu.

Dari sudut pembinaan program latihan suaian fizikal, meningkatkan atau mengekalkan apa sahaja komponen kecergasan fizikal yang telah dimiliki oleh seseorang individu itu adalah objektif yang ingin dicapai oleh jurulatih suaian fizikal.

Secara mudahnya, prestasi fizikal dan fisiologikal tubuh badan ditentukan oleh kebolehan komponen kecergasan yang telah ditetapkan. Ianya dibahagikan kepada dua set komponen iaitu komponen kecergasan umum berkaitan aspek kesihatan dan komponen kecergasan khusus berkaitan dengan kemampuan pergerakan khusus dan prestasi.

KOMPONEN KECERGASAN KEMAMPUAN FIZIKAL MANUSIA

UMUM (KESIHATAN)

Daya Tahan Kardiovaskular
Kekuatan Otot
Daya Tahan Otot

KHUSUS (KEMAHIRAN)

Kuasa Otot Koordinasi
Ketangkasan Imbangan
Kecepatan

PROGRAM LATIHAN YANG SISTEMATIK

Perancangan program yang sistematik adalah sangat penting untuk memastikan objektif latihan tercapai. Sistematik bermaksud latihan yang dilaksanakan adalah secara berfasa di mana kecergasan tubuh dibina secara berstruktur untuk peningkatan prestasi dan mengelakkan risiko kecederaan.

Pembinaan program kecergasan yang diamalkan untuk tugas taktikal kebombaan boleh diklasifikasikan kepada tiga fasa iaitu fasa persediaan, fasa persediaan spesifik dan fasa pengekalan.

Antara kesilapan yang dibuat ketika melaksanakan sesi latihan adalah dengan melaksanakan latihan yang spesifik tanpa ketetapan objektif pada tubuh yang berada dalam keadaan tidak bersedia.

Fasa Pengekalan	Fasa Pengekalan adalah fasa untuk mengekalkan tahap kecergasan yang khusus bagi melaksanakan tugas taktikal kebombaan dan penyelamatan
Fasa Persediaan Khusus	Fasa Persediaan Khusus adalah untuk melatih komponen kecergasan yang berkait rapat dengan tugas taktikal kebombaan dan penyelamatan
Fasa Persediaan	Fasa Persediaan adalah fasa untuk menyediakan tubuh badan untuk latihan yang khusus dengan melatih komponen kecergasan berteraskan kesihatan.

PRINSIP LATIHAN

Setiap program latihan suai fizikal perlu dibina berteraskan beberapa prinsip latihan yang disediakan sebagai panduan yang didasarkan kepada hasil-hasil kajian saintifik dalam bidang berkaitan.

Prinsip-prinsip ini perlu diterapkan bagi memastikan hasil daripada latihan yang dilaksanakan membawa kepada peningkatan prestasi dan mengurangkan risiko kecederaan.

1) Pengkhususan.

- Melaksanakan latihan berdasarkan objektif. Sebagai contoh, latihan LSD bagi pembinaan daya tahan aerobik.

2) Tambah Beban.

- Proses latihan perlu dilakukan secara progresif dan ada peningkatan kepayahan bagi tujuan peningkatan prestasi.

3) **Rehat.**

- Elemen rehat adalah diperlukan bagi tujuan adaptasi latihan. Contohnya latihan daya tahan, masa rehat adalah pendek.

4) **Kepelbagaian.**

- Kaedah latihan yang dilaksanakan perlu diperibadikan bagi tujuan untuk mengelakkan proses latihan yang tidak menarik.

5) **Kebolehbalian.**

- Proses latihan hendaklah dilakukan secara konsisten. Jika rehat terlalu lama, prestasi akan menurun dan tidak akan kekal.

Prinsip latihan yang popular adalah seperti berikut:

a) F – Frequency (Kekerapan)

- Merujuk kepada kekerapan pelaksanaan. Sebagai contoh, sesi latihan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

b) I – Intensity (Kepayahan)

- Intensiti adalah merujuk kepada tahap kepayahan sesuatu latihan itu dilaksanakan. Sebagai contoh, seberapa berat mangsa anggota tersebut boleh mengangkat.

c) T – Type (Jenis)

- Merujuk kepada jenis latihan yang dijalankan. Contoh latihan LSD bagi aerobik dan latihan litar bagi anaerobik.

d) T – Time (Masa)

- Jumlah masa bagi pelaksanaan latihan. Sebagai contoh, selama 1 jam bagi satu sesi latihan.

PENGAWALAN TAHAP KEPAYAHAN (*INTENSITY*)

Intensiti latihan adalah didefinisikan sebagai kadar atau tahap kepayahan dalam melakukan sesuatu aktiviti latihan. Ianya adalah merupakan salah satu indikator yang paling penting dalam merangka sesuatu program latihan dimana ianya berfungsi untuk memastikan tahap kepayahan latihan sentiasa progresif untuk peningkatan prestasi.

Terdapat banyak kaedah pengukuran tahap kepayahan yang boleh dirujuk dan digunapakai. Namun, berikut adalah merupakan kaedah yang paling

mudah untuk diamalkan oleh Jurulatih ketika melaksanakan sesi latihan yang melibatkan peserta yang ramai.

TALK TEST

Ujian ini digunakan untuk memantau intensiti senaman aerobik dengan melihat lenggok percakapan ketika bersenam. Berikut adalah jadual skala pemantauan melalui kaedah Talk Test:

INTENSITI	PETUNJUK
RENDAH	BOLEH BERBUAL DAN KETAWA SEMASA BERSEAM
SEDERHANA	BOLEH BERBUAL DENGAN SELESA SEMASA BERSEAM
TINGGI	TIDAK DAPAT BERBUAL, TERCUNGAP - CUNGAP

RATE OF PERCEIVE EXERTION (RPE)

Skala ini digunakan untuk menilai intensiti secara subjektif dengan menganggarkan peratus kepayahan ketika melakukan aktiviti latihan dengan skala 0 - 10.

INTENSITI	PETUNJUK
10	Keupayaan Maksimum
9	Sangat Susah
8	Cergas
7	Cergas
6	Sederhana
5	Sederhana
4	Sederhana
3	Ringan
2	Ringan
1	Sangat Ringan

LARIAN KUMULATIF BERPASUKAN

Larian secara berpasukan perlu dilaksanakan oleh setiap pasukan di balai dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan stamina dan disiplin secara


pasukan di balai. Melalui larian berpasukan ini, setiap pasukan perlu melengkapkan **larian kumulatif sebanyak lima (5) km secara mingguan** yang perlu diselesaikan setiap pasukan dan dikepikan dalam **Borang Pemantauan Bulanan**.

PEMBOLEHUBAH LATIHAN

Merujuk kepada parameter atau perkara-perkara yang boleh diukur dan diubahsuai bagi memberikan respon dan kesan adaptasi yang diperlukan bagi setiap program latihan yang dibina.

Latihan yang dibuat tanpa penetapan pembolehubah boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada tubuh badan.

Berikut adalah merupakan contoh pembolehubah latihan yang boleh digunakan untuk sesi latihan:



STRUKTUR PELAKSANAAN SENAMAN

1) MEMANASKAN BADAN

- Fasa ini bertujuan untuk meningkatkan suhu badan dan kadar nadi. Peserta boleh melakukan pergerakan memanaskan badan seperti lari setempat atau berjalan perlahan mengelilingi padang/ dewan. Jika ingin melakukan regangan selepas tu, lakukan aktiviti regangan dinamik sahaja. Aktiviti dilakukan selama 5 hingga 10 minit.

2) MELAKUKAN REGANGAN

- Regangan penting dilakukan untuk menyediakan badan terhadap senaman serta memudahkan senaman tersebut dilakukan tanpa risiko kecederaan yang tinggi dan membawa kepada peningkatan prestasi.
- Lakukan regangan yang dapat meregangkan otot dan melonggarkan semua sendi supaya dapat mencapai julat pergerakan sepenuhnya. Regangkan semua bahagian badan dan kumpulan otot termasuk leher, bahu, sendi tangan, pinggang dan kaki. Setiap regangan tidak seharusnya mendatangkan kesakitan yang berpanjangan. Regangkan sehingga berasa kurang selesa sahaja.

3) AKTIVITI SENAMAN

- Melakukan senaman mengikut preskripsi bagi pelaksanaan program yang merangkumi program umum dan khusus mengikut jadual.
- Contoh program latihan umum: Variasi aktiviti larian dan latihan litar umum.
- Contoh program *Fire Fit*: Latihan rintangan dengan menggunakan berat badan dan peralatan kebombaian, mimik kepada lakukan pergerakan sebenar.
- Senaman-senaman boleh direka berdasarkan kesesuaian fasiliti dan kelengkapan yang sedia ada.

4) MENYEJUKKAN SENAMAN

- Setelah selesai menjalankan senaman, badan perlu disejukkan dengan memperlahankan rentak senaman dan menyediakan badan untuk rehat. Elakkan berhenti secara mendadak kerana boleh memudaratkan tubuh badan. Aktiviti ini juga boleh mengelakkan daripada mendapat kerengsaan otot (*muscle soreness*) pada keesokan harinya yang selalunya menjadi antara faktor utama yang amalan senaman. Setelah kadar nadi kembali stabil, lakukan regangan secara statik atau dengan pasangan. Aktiviti dilakukan selama 5 hingga 10 minit.

LEVEL 1: FASA PERSEDIAAN UMUM

Fasa ini adalah merupakan fasa permulaan latihan dimana latihan dilaksanakan untuk membina komponen kecergasan yang berteraskan kesihatan dalam menyediakan tubuh badan untuk latihan di fasa yang lebih khusus. Selain itu, teknik lakuan pergerakan senaman dan kemahiran kebommbaan yang sebenar perlu dipraktik. Ianya bertujuan untuk membolehkan pegawai tersebut mampu untuk melalui proses latihan pada fasa yang seterusnya dalam keadaan bersedia dan dengan risiko kecederaan yang minimum.

UNTUK MEMBINA KOMPONEN KECERGASAN OTOT

OBJEKTIF PROGRAM KECERGASAN UMUM

DAYA TAHAN KARDIOVASKULAR

KEKUATAN OTOT

DAYA TAHAN OTOT

KELENTURAN

KOMPOSISI TUBUH

OBJEKTIF PROGRAM KECERGASAN TAKTIKAL KEBOMBAAN

PEMBIASAAN KEPADA KEMAHIRAN

- PENGENDALIAN HOS
- PENGENDALIAN TANGGA
- PENGENDALIAN MANGSA
- PENGENDALIAN PERALATAN
- **FORCIBLE ENTRY**
- PEMBIASAAN PPE

MELIBATKAN PERGERAKAN

- MENOLAK
- MENARIK
- MEMBAWA
- MENGANGKAT
- MEMANJAT
- MENGHAYUN
- MERANGKAK

Fasa Latihan		Fasa persediaan Umum						
Cadangan Tempoh Latihan		1 - 2 Bulan						
Kumpulan Sasaran		1. Pegawai yang lulus dalam Ujian Kecergasan Jabatan (UKJ) yang diperuntukan mengikut kumpulan sasaran 2. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami sebarang kecederaan otot rangka yang kronik						
Objektif Latihan		1. Membina tahap komponen kecergasan berteraskan kesihatan 2. Memperkenalkan teknik latihan dengan pergerakan yang betul.						
Perincian Program								
Komponen Kecergasan yang dilatih		Daya Tahan Kardiovaskular		Daya Tahan Otot	Kekuatan Otot	Kelenturan	Komposisi Tubuh	
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Umum		1. Berlari 3. Berenang 2. Berbasikal		1. Senaman Menggunakan Berat Badan 2. Senaman Menggunakan Peralatan		1. Statik 2. Dinamik	Mendapatkan komposisi tubuh mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jabatan iaitu 18.5 - 29.9 kg/m2	
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Khusus	Kemahiran Asas Pemadaman dan	1. Pengendalian Hos 3. Pengendalian Tangga 5. Forcible Entry 2. Pengendalian Mangsa 4. Pengendalian Peralatan 6. Pembiasaan PPE		3. Partner 4. PNF				
	Elemen Pergerakan dalam Latihan	1. Mengangkat 3. Menolak 5. Memanjat 7. Menghayun 2. Membawa 4. Menarik 6. Merangkak						
Kaedah		Long Slow Distance	Interval	Fartlek	Litar/ Individu			
Kekerapan (per minggu)		3 - 5 Seminggu	2 - 3 Kali Seminggu		2 - 3 Kali Seminggu	5 - 7 Kali seminggu		
Kepayahan		50% - 65%		40-60%	60% - 100%	Stretch to the point of tightness or mild discomfort.		
Set		1 Set	5 - 10 Interval Set		3 - 5 Set	1 - 5 Set		
Ulangan/ Masa		20 Minit (60% - 65%)	30 - 60 Minit		15 - 20 reps; 30 - 60s	1 - 12 reps		10 saat
		30 - 60 Minit (50% - 59%)						
Rehat antara senaman		Tiada	1 - 5 Minit		30s - 60s	1 - 3 Min		10 Saat
Rehat antara set		Tiada			30s - 90s			
Jenis ujian yang boleh dilaksanakan	Kecergasan Umum	Ujian Bleep		Ujian Tekan Tubi 1 Minit, Ujian	Ujian Angkatan	Ujian Duduk dan Jangkau	Ujian Komposisi Tubuh	
	Kecergasan bagi kemahiran asas taktikal	Ujian Kemahiran Taktikal Kebommbaan (UKTK)						
Pemulihan (Recovery)		1. Pemakanan yang seimbang 2. Minum air secukupnya 3. Mendapatkan rehat dan tidur yang mencukupi 4. Melaksanakan aktiviti regangan sebelum dan selepas latihan						

LEVEL 2: FASA PERSEDIAAN KHUSUS (MEMBINA OTOT)

Fasa ini adalah bersesuaian bagi anggota yang telah memenuhi tahap kecergasan yang berteraskan kesihatan. Proses pembentukan otot akan mula dilaksanakan bagi tujuan untuk memenuhi keperluan kapasiti otot untuk menjana kekuatan di fasa latihan yang seterusnya. Teknik lakuan senaman umum dan kemahiran asas kebombaian dan penyelamatan seharusnya berada dalam keadaan baik dan tidak lagi memerlukan pembetulan.

UNTUK MEMBINA KOMPONEN KECERGASAN OTOT

KOMPONEN
KECERGASAN
YANG DILATIH

DAYA TAHAN
KARDIOVASKULAR
(SUB MAKSIMUM)

KEKUATAN
OTOT
(PENGEKALAN)

DAYA
TAHAN
OTOT
(PENGE
KALAN)

HIPERTROFI
(PEMBENTUKAN
OTOT)

KOMPOSISI
TUBUH

ELEMEN
KEBOMBAIAN
YANG PERLU
DITERAPKAN

PEMBINAAN KECEKAPAN KEMAHIRAN ASAS	MELIBATKAN PERGERAKAN
• PENGENDALIAN HOS • PENGENDALIAN TANGGA • PENGENDALIAN MANGSA • PENGENDALIAN PERALATAN • <i>FORCIBLE ENTRY</i> • PEMBIASAAN PPE	• MENOLAK • MENARIK • MEMBAWA • MENGANGKAT • MEMANJAT • MENGHAYUN • MERANGKAK

Fasa Latihan		Fasa persediaan Khusus				
Cadangan Tempoh Latihan		1 - 2 Bulan				
Kumpulan Sasaran		1. Pegawai yang lulus dalam Ujian Kecergasan Jabatan (UKJ) yang diperuntukan mengikut kumpulan sasaran 2. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami sebarang kecederaan otot rangka yang kronik				
Objektif Latihan		1. Meningkatkan tahap komponen kecergasan berteraskan kesihatan 2. Membina kapasiti otot				
Perincian Program						
Komponen Kecergasan yang dilatih		Daya Tahan Kardiovaskular (Speed Endurance)		Daya Tahan Otot	Hipertrofi (Pembesaran otot)	Kelenturan
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Umum		1. Berlari 3. Berenang 2. Berbasikal		1. Senaman Menggunakan Berat Badan 2. Senaman Menggunakan Peralatan		1. Statik 2. Dinamik 3. Partner 4. PNF
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Khusus	Kemahiran Asas Pemadaman dan	1. Pengendalian Hos 3. Pengendalian Tangga 5. Forcible Entry 2. Pengendalian Mangsa 4. Pengendalian Peralatan 6. Pembiasaan PPE				
	Elemen Pergerakan dalam Latihan	1. Mengangkat 3. Menolak 5. Memanjat 7. Menghayun 2. Membawa 4. Menarik 6. Merangkak				
Kaedah		Tempo Running	Interval	Fartlek	Litar/ Individu	
Kekerapan (per minggu)		1 - 2 Seminggu	2 - 3 Kali Seminggu		2 - 3 Kali Seminggu	2 - 3 Kali Seminggu
Kepayahan		55% - 60%	65% - 75%		55-65%	60% - 100%
Set		1 Set	5 - 10 Interval Set		3 - 5 Set	1 - 5 Set
Ulangan/ Masa		20 Minit (Moderate) (60% - 65%) 30 - 60 Minit (Low) (50% - 59%)	30 - 60 Minit		15 - 20 reps; 30 - 60s	1 - 12 reps
Rehat antara senaman		Tiada	1 - 5 Minit		30s - 60s	1 - 3 Min
Rehat antara set		Tiada			30s - 90s	
Jenis ujian yang boleh dilaksanakan	Kecergasan Umum	Ujian Bleep			Ujian Tekan Tubi 1 Minit, Ujian	In Body Test
	Kecergasan bagi kemahiran asas	Ujian Kemahiran Taktikal Kebombaian (UKTK)				
Pemulihan (Recovery)		1. Pemakanan yang seimbang 2. Minum air secukupnya 3. Mendapatkan rehat dan tidur yang mencukupi				

LEVEL 3: FASA PERSEDIAAN KHUSUS (KEKUATAN DAN KELAJUAN)

Setelah pembinaan komposisi otot, pada fasa ini kekuatan maksimum dan kelajuan akan mula dibina. Kekuatan maksimum, daya tahan kelajuan dan kelajuan adalah diperlukan sebagai asas untuk latihan khusus bagi kemahiran taktikal kebombaan. Pada fasa ini, lakukan senaman dan kemahiran asas kebombaan dan penyelamatan seharusnya berada dalam keadaan baik dan sempurna.

UNTUK MEMBINA KOMPONEN KECERGASAN OTOT

KOMPONEN KECERGASAN YANG DILATIH	DAYA TAHAN KARDIOVASKULAR (SUB MAKSIMUM)	KEKUATAN OTOT (PENGEKALAN)	DAYA TAHAN OTOT (PENGEKALAN)	KELAJUAN	KOMPOSISI TUBUH
----------------------------------	--	----------------------------	------------------------------	----------	-----------------

ELEMEN KEBOMBAAN YANG PERLU DITERAPKAN

PENINGKATAN KECEKAPAN KEMAHIRAN	MELIBATKAN PERGERAKAN
• PENGENDALIAN HOS • PENGENDALIAN TANGGA • PENGENDALIAN MANGSA • PENGENDALIAN PERALATAN • <i>FORCIBLE ENTRY</i> • PEMBIASAAN PPE	• MENOLAK • MENARIK • MEMBAWA • MENGANGKAT • MEMANJAT • MENGHAYUN • MERANGKAK

Fasa Latihan		Fasa persediaan Khusus						
Cadangan Tempoh Latihan		1 - 2 Bulan						
Kumpulan Sasaran		1. Pegawai yang lulus dalam Ujian Kecergasan Jabatan (UKJ) yang diperuntukan mengikut kumpulan sasaran 2. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami sebarang kecederaan otot rangka yang kronik						
Objektif Latihan		1. Meningkatkan tahap komponen kecergasan berteraskan kesihatan 2. Membina kekuatan maksimum otot dan kelajuan						
Perincian Program								
Komponen Kecergasan yang dilatih		Daya Tahan Kardiovaskular (Speed Endurance)			Daya Tahan Otot (Maintenance)	Kekuatan Otot Maksimum	Kelajuan	Kelenturan
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Umum		1. Berlari 3. Berenang 2. Berbasikal			1. Senaman Menggunakan Berat Badan 2. Senaman Menggunakan Peralatan		1. Statik 2. Dinamik	
Saranan Aktiviti Sesi Latihan Fizikal Khusus	Kemahiran Asas Pemadaman dan Penyelamatan	1. Pengendalian Hos 3. Pengendalian Tangga 5. Forcible Entry 2. Pengendalian Mangsa 4. Pengendalian Peralatan 6. Pembiasaan PPE					3. Partner 4. PNF	
	Elemen Pergerakan dalam Latihan	1. Mengangkat 3. Menolak 5. Memanjat 7. Menghayun 2. Membawa 4. Menarik 6. Merangkak						
